Saya ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah dan ahli-ahli Pengurusan yang telah bertungkus-lumus untuk memastikan CGC terus kekal sebagai tulang pembiayaan PKS, di samping mengukuhkan status kewangannya. Setinggi-tinggi penghargaan juga saya tujukan kepada Y. Bhg Dato' Mohd Rosli Abdul Aziz dan Y. Bhg Dato' Tan Yew Thong, bekas ahli-ahli Lembaga Pengarah, yang telah memainkan peranan penting dalam beberapa inisiatif utama

dilaksanakan sepanjang perkhidmatan mereka.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia, rakan-rakan di dalam industri perbankan, pemegang saham, rakan-rakan perniagaan, agensi-agensi Kerajaan dan pihak berkepentingan yang lain atas sokongan dan keyakinan dengan keupayaan CGC untuk terus membantu dan merangsang pembangunan sektor PKS di negara ini.

Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Pengurusan dan kakitangan atas usaha gigih mereka yang menjadi asas untuk kita bergerak ke hadapan dan mencapai kejayaan besar.

Dato' Sri Abdul Hamidy Abdul Hafiz
Pengerusi



Datuk Wan Azhar Wan Ahmad
Ketua Pegawai Eksekutif



LAPORAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Prestasi Keseluruhan

Sebagai pemangkin kredit berperanan meningkatkan pembangunan, tumpuan utama CGC adalah pada PKS yang marginal tetapi berpotensi tinggi dari segi 'bankabiliti' dan daya maju dengan menyediakan bantuan kewangan untuk kestabilan dan perkembangan perniagaan mereka. Oleh kerana itu, agenda jangkauan PKS menjadi sebahagian daripada usaha-usaha CGC samada dalam peningkatan proses, inovasi produk atau menyediakan akses alternatif kepada pembiayaan. Bagaimanapun, CGC kekal utuh mengimbangi objektif berorientasikan perniagaan untuk mencapai kemampunan kewangan serta memberi fokus pada peranan pembangunannya untuk membantu PKS.

Agenda mencapai kekukuhan kewangan berjalan lancar di mana jurang pendapatan operasi dan jumlah perbelanjaan semakin kurang menghasilkan peningkatan dalam keuntungan bersih. CGC mencapai keuntungan diluar jangkaan dengan mencatat RM160.8 juta. Sebahagian besar pencapaian ini adalah berikutan kualiti pengurusan pinjaman yang lebih baik turutan pelaksanaan penilaian kredit yang mantap dan modul penarafan serta perkongsian risiko dengan institusi-institusi kewangan, fokus kepada pinjaman-pinjaman yang lebih kecil dan pengurusan risiko berasaskan portfolio. Keuntungan yang lebih tinggi juga adalah hasil daripada prestasi yang lebih baik dalam pendapatan pelaburan sebanyak RM168.4 juta.



Haluan ini adalah hasil daripada usaha-usaha gigih CGC untuk mempermudah PKS keluar daripada mekanisma jaminan dan Kerajaan dengan membantu mereka mewujudkan sejarah kredit di samping memperbaiki rekod kredit dan bankabiliti pada tahap yang lebih tinggi”

Pembiayaan PKS

Sektor PKS menikmati lebih faedah daripada fokus institusi-institusi kewangan dalam pembiayaan aktiviti-aktiviti PKS dengan beberapa bank-bank menetapkan sasaran pembiayaan yang tinggi, mewujudkan unit perniagaan khas dan sumber untuk terus meluaskan jangkauan meningkatkan portfolio pembiayaan PKS mereka. Pada tahun 2012, pembiayaan oleh institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP) kepada PKS merangkumi 40.5% berjumlah RM189.0 bilion untuk pembiayaan perniagaan. Pembiayaan meningkat sebanyak 14.3% dengan kadar kelulusan kekal stabil lebih daripada 83%. Jumlah purata kelulusan pinjaman juga menunjukkan peningkatan dengan nilai purata kadar pembiayaan dari RM570,000 kepada RM600,000.

PKS telah terus menikmati manfaat daripada tabung-tabung khas Bank Negara Malaysia (BNM) seperti Tabung untuk Makanan, Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i, Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2, Tabung Usahawan Baru 2 dan Tabung Perusahaan Mikro yang menyediakan bantuan kewangan kepada PKS. Pada penghujung tahun 2012, keseluruhan pembiayaan diluluskan di bawah dana-dana khas BNM berjumlah RM22.6 bilion yang memanfaatkan lebih daripada 54,000 PKS. Perusahaan mikro yang merangkumi 75% perniagaan di Malaysia turut menerima manfaat daripada sokongan sektor kewangan yang senantiasa memobilisasikan dana untuk keperluan kewangan PKS di bawah skim Pembiayaan Mikro dengan pembiayaan sebanyak RM870.3 juta.

CGC yang bermatlamat memberi penambahan kewangan telah menetapkan sasaran sederhana untuk jangkauan PKS pada tahun 2012. Sebanyak RM1.1 bilion nilai pinjaman telah dijamin oleh CGC kepada lebih daripada 2,000 PKS berdaya maju dalam pelbagai sektor. Bagaimanapun,

2012 mencatat penurunan dari segi bilangan jaminan pinjaman dibandingkan dengan tahun 2011. Sebahagian besarnya adalah ekor skim-skim yang dimulakan semasa ekonomi pada sekitar tahun 2008/2009 luput tempohnya. Ianya juga disebabkan keputusan CGC keluar daripada Skim Jaminan Laluan Terus (SJLT) secara beransur-ansur. Haluan ini adalah hasil daripada usaha-usaha gigih CGC untuk mempermudah PKS keluar daripada mekanisma jaminan dan Kerajaan dengan membantu mereka mewujudkan sejarah kredit di samping memperbaiki rekod kredit dan bankabiliti pada tahap yang lebih tinggi. Ini telah menghasilkan peningkatan dalam bankabiliti PKS berdasarkan kepada kenaikan dalam pinjaman institusi-institusi kewangan dan semakin ramai PKS kini kurang bergantung kepada mekanisma jaminan dan sokongan kerajaan untuk membiayai perniagaan mereka. Ini adalah hasil strategik utama bagi CGC.

Sehingga 2012, kira-kira 306,000 PKS telah mendapat manfaat daripada skim-skim jaminan CGC dengan kira-kira 36% (110,000) daripadanya telah berjaya mengukuhkan kedudukan kewangan lalu tidak lagi memerlukan sokongan jaminan CGC.

Sebagai sebahagian daripada strategi untuk terus kekal kompetitif dan dipandu pasaran, CGC meningkatkan usaha-usahanya untuk menggalakkan perkongsian risiko dengan institusi-institusi kewangan. Seiring dengan ini, CGC telah bekerjasama dengan Public Bank Berhad untuk menawarkan pinjaman berasaskan portfolio melalui perjanjian tranche pertama bernilai RM35 juta dimeterai pada suku ketiga pada tahun 2012. Pada suku keempat, tranche ke enam bernilai RM150 juta telah dimeterai dengan Standard Chartered Bank.



Memberi jaminan pinjaman yang berasaskan portfolio bukan sahaja inovatif tetapi juga berkesan kerana PKS kini berupaya memperoleh pinjaman dengan lebih cepat setelah CGC mengemaskini proses melalui penggunaan komputer yang telah mempercepatkan kelulusan pinjaman. Permohonan yang diterima di bawah jaminan portfolio diluluskan dalam tempoh tiga hari dengan kadar kelulusan hampir 90%. Ini telah menangani kebimbangan PKS tentang masa panjang untuk pemprosesan dan pengeluaran dana. Sejak jaminan portfolio pertama dikelolakan pada tahun 2009, CGC telah menyediakan pinjaman bernilai RM700 juta dan memberi manfaat kepada kira-kira 2,700 PKS.

Untuk terus mempromosikan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (SPTH), satu skim pembiayaan Kerajaan dengan peruntukan RM3.5 bilion, beberapa siri jelajah telah diadakan dengan kerjasama Bank Negara Malaysia (BNM) dan Malaysian Green Technology Corporation (MGTC) ke beberapa negeri untuk meningkatkan kesedaran kemudahan dan kadar pengeluaran dari dana ini. Sehingga April 2013, CGC telah meluluskan 71 permohonan bernilai RM899 juta.

CGC juga telah mempromosikan skim berasaskan syariah iaitu Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i (Bumiputera Entrepreneur Project Fund-i) sebagai usaha meningkatkan akses pembiayaan kewangan kepada kontraktor Bumiputera. Tabung ini bertujuan untuk memberikan kontraktor Bumiputera dengan modal kerja untuk membolehkan mereka menyelaraskan projek yang diberi oleh Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan institusi-institusi swasta yang terpilih. Untuk meningkatkan pengetahuan mengenai skim ini dan memudahkan akses kepada dana berkenaan, CGC menganjurkan beberapa bengkel kerja, seminar dan program jelajah dengan usahasama pemberi kontrak. Ia telah memanfaatkan lebih daripada 2,200 peserta Bumiputera. Setakat Mac 2013, CGC telah meluluskan 598 permohonan bernilai RM322.2 juta secara kumulatif.

“Permohonan pinjaman yang diterima di bawah jaminan portfolio diluluskan dalam tempoh tiga hari dengan kadar kelulusan hampir 90%. Ini telah menangani kebimbangan PKS tentang masa yang panjang untuk pemprosesan dan pengeluaran dana.”



Skim-skim Jaminan

Pada tahun 2012, CGC menguruskan sejumlah 13 skim jaminan pinjaman, lapan (8) di bawah Skim-skim Utama dan lima (5) di bawah kategori Skim-skim Pembiayaan Berprogram. Skim-skim tersebut adalah seperti berikut:

SKIM-SKIM UTAMA

1. Skim Kredit Enhancer (ENHANCER)
2. Skim Kredit Enhancer-i (ENHANCER-i)
3. Skim SmallBiz Express (SBE)
4. Skim SmallBiz-i Express (SBE-i)
5. Skim Enhancer Direct* (Enhancer Direct)
6. Skim Jaminan Laluan Terus – Start-Up
7. Skim Jaminan Bank Terus (SJBT)
8. Skim Enhancer Express (Enhancer Express)

SKIM-SKIM PEMBIAYAAN BERPROGRAM

1. Skim Jaminan Anjal (SJA)
2. Skim Pembiayaan Francais (SPF)
3. Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (SPTH)
4. Skim Pembiayaan Teknologi Hijau-i (SPTH-i)
5. Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i (TPUB-i)

* Mengantikan Skim Jaminan Laluan Terus (SJLT) semenjak Oktober 2011.

Pinjaman Yang Dijamin (Mengikut Skim)

Pada tahun 2012, tiga (3) skim yang menjadi penyumbang utama pertumbuhan secara keseluruhan pinjaman adalah SPTH, ENHANCER dan SJLT. Ketiga-tiga skim secara kolektifnya telah menyumbangkan 1,076 pinjaman (RM682.7 juta) daripada jumlah pinjaman yang dijamin.

SPTH menyumbang sebanyak 37 pinjaman bernilai RM353.7 juta manakala ENHANCER sebanyak 920 pinjaman yang bernilai RM286.2 juta dan SJLT menyumbang sebanyak 119 pinjaman bernilai RM42.8 juta.

TAHUN	2011		2012	
	BILANGAN PINJAMAN	NILAI (RM JUTA)	BILANGAN PINJAMAN	NILAI (RM JUTA)
SKIM-SKIM UTAMA	4,910	1480.0	1,379	347.3
ENHANCER	2,963	827.3	814	246.9
ENHANCER-i	113	36.1	106	39.2
SBE	355	11.2	273	9.7
SJLT	1,463	602.2	113	39.7
Lain-lain*	16	3.2	73	11.8
SKIM-SKIM PEMBIAYAAN BERPROGRAM	189	340.2	99	372.5
SJA	165	55.3	53	11.9
SPF	10	6.4	9	6.9
SPTH	8	113.9	18	88.9
SPTH-i	6	164.6	19	264.8
SKIM-SKIM PEMBIAYAAN	1,499	740.6	323	161.3
Pembiayaan Ekuiti	2	12.7	-	-
TPUB-i	208	108.6	157	94.3
Pembiayaan Langsung	1,289	619.3	166	67.0
JAMINAN BERPORTFOLIO	906	300.0	351	185.0
JUMLAH	7,504	2,860.8	2,152	1,066.1

* Skim SJLT yang lain, Enhancer Direct dan Enhancer Express.

Tinjauan Operasi

Tinjauan operasi memaparkan bilangan pinjaman dan nilai jaminan mengikut kategori di bawah semua skim.

1. Arah Pinjaman

Bilangan dan nilai pinjaman yang dijamin bagi tiga (3) sektor utama adalah seperti tertera di bawah:

SEKTOR	BILANGAN PINJAMAN	NILAI (RM JUTA)
Perniagaan Am	1,750	762.0
Perkilangan	367	294.4
Pertanian	35	9.7
Jumlah	2,152	1,066.1

2. Taburan Pinjaman Mengikut Negeri

Tiga (3) negeri penyumbang utama berdasarkan bilangan dan nilai pinjaman yang dijamin adalah seperti tertera di bawah:

NEGERI	BILANGAN PINJAMAN	NILAI (RM JUTA)
Selangor	393	235.9
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	301	325.4
Johor	220	75.1

3. Pinjaman Mengikut Kaum

Bilangan dan nilai pinjaman yang dijamin mengikut kaum adalah seperti tertera di bawah:

KAUM	BILANGAN PINJAMAN	NILAI (RM JUTA)
Bumiputera	698	307.6
Cina	1,363	660.9
India	63	30.5
Lain-lain	28	67.1
Jumlah	2,152	1,066.1

4. Pinjaman Mengikut Saiz

Saiz pinjaman berdasarkan bilangan dan nilai pinjaman yang diluluskan bagi dua (2) skim komersial utama adalah seperti tertera di bawah:

SAIZ PINJAMAN	SJLT		ENHANCER	
	Bilangan Pinjaman	Nilai (RM juta)	Bilangan Pinjaman	Nilai (RM juta)
RM100,000 dan ke bawah	26	1.7	224	15.7
RM100,001 – RM500,000	68	17.1	558	137.3
RM500,001 – RM1,000,000	17	12.5	103	72.8
RM1,000,001 – RM2,000,000	8	11.6	25	32.2
RM2,000,001 dan ke atas	0	0	10	28.2
Jumlah	119	42.9	920	286.2

Sorotan Kewangan

Perbelanjaan operasi CGC pada tahun 2012 telah mencatatkan penurunan kepada RM200.4 juta (RM2011: RM268.8 juta) dari peruntukan bagi tuntutan yang rendah di samping penambahbaikan dalam pelaksanaan langkah-langkah kawalan risiko.

Kombinasi perolehan yang baik antara yuran jaminan dan pendapatan pelaburan masing-masing berjumlah RM88.6 juta dan RM168.4 juta menjadikan keuntungan bersih CGC mencatatkan jumlah RM160.8 juta.

Sementara itu, peruntukan bagi tuntutan ke atas pinjaman yang dijamin dan bagi kemerosotan nilai dan pendahuluan yang diberikan CGC mencatat penurunan kepada RM133.7 juta berbanding RM198.9 juta pada tahun 2011. Ini adalah hasil daripada pengurusan kualiti pinjaman yang lebih baik termasuk pengenalpastian awal dan pemantauan pinjaman yang berpotensi tertunggak. Ianya juga dibantu oleh penyusunan semula pinjaman serta pelanjutan tempoh pembayaran semula bagi peminjam-peminjam bermasalah.

Pada tahun 2012, CGC memperuntukkan sejumlah RM24.1 juta kepada rizab dan pada 31 Disember 2012, CGC mempunyai rizab berjumlah RM938.5 juta berbanding dengan RM777.7 juta pada tahun 2011.

Dari segi perolehan, CGC telah memperoleh semula RM59.0 juta, peningkatan sebanyak 10% berbanding dengan RM53.4 juta pada tahun 2011.

Secara keseluruhannya, CGC telah meluluskan sebanyak 2,152 pinjaman bernilai RM1.1 juta untuk semua skim pada tahun 2012.

Strategi Pertumbuhan dan Hala Tuju

Meskipun secara keseluruhannya keadaan global semakin mencabar, ekonomi Malaysia dijangka meningkat dengan kadar sederhana iaitu lima peratus sehingga tahun 2015. Permintaan dalam negeri semakin menjadi pemacu pertumbuhan disokong oleh penggunaan swasta yang kukuh dan pelaburan. Prestasi ekonomi Malaysia sentiasa disokong dengan baik oleh sektor kewangan yang berdaya tahan dan masyarakat berdaya usaha. Kedua-dua faktor ini dijangka kekal sebagai tunggak pertumbuhan ekonomi pada tahun 2013.

Dengan jumlah pelaburan yang besar dan projek-projek pembangunan yang telah dikenal pasti di bawah Pelan Transformasi Ekonomi Kerajaan (ETP) serta prospek ekonomi yang positif, adalah dijangka permintaan terhadap pembiayaan PKS tahun kewangan semasa akan meningkat. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM4.9 bilion bagi meningkatkan peluang keusahawanan dan PKS dengan peruntukan RM2 bilion bagi menyokong sektor teknologi hijau, RM1 bilion untuk memacu skim pembangunan PKS, RM200 juta setiap satu untuk melindungi harta intelek dan pembangunan produk halal, RM50 juta bagi tujuan memodenkan penjaja dan RM50 juta bagi menyokong usahawan muda. Kerajaan juga telah memperuntukkan RM350 juta kepada TEKUN bagi mempertingkatkan akses kepada pinjaman.

Pembiayaan untuk PKS adalah mencukupi dengan peruntukan Kerajaan dan juga melalui tumpuan yang besar terhadap sektor ini daripada institusi perbankan. Namun begitu, keperluan sokongan jaminan CGC daripada PKS akan terus meningkat. Dalam hal ini, CGC telah menggariskan beberapa inisiatif untuk menyokong perniagaan PKS yang berdaya maju tetapi tidak mempunyai cagaran yang mencukupi dan rekod prestasi untuk mendapatkan dana Kerajaan atau pembiayaan daripada bank.

CGC akan terus menjalinkan kerjasama strategik bersama rakan-rakan dalam industri perbankan melalui rangkaian cawangan mereka yang luas bagi menembusi segmen pasaran yang kurang menerima perhatian. Ciri-ciri produk akan terus dipertingkatkan supaya skim CGC akan lebih mudah dipasarkan mengikut profil pelanggan rakan-rakan perbankan. Saiz pinjaman yang lebih kecil, kriteria kelayakan yang fleksibel dan kos pinjaman kompetitif adalah beberapa ciri-ciri yang sedang dipertimbangkan untuk dijadikan lebih menarik kepada PKS yang disasarkan.

CGC juga telah membangunkan skim pembiayaan terkini iaitu Wholesale Guarantee. Di bawah skim ini, CGC akan menyediakan perlindungan jaminan bagi pembiayaan PKS yang tersedia ada di institusi kewangan yang masih belum mendapat jaminan dari CGC. Institusi kewangan yang terlibat dijangka mendapat manfaat daripada pengurangan dana peruntukan terhadap pendedahan kredit dan ini akan membolehkan ia menyediakan lebih banyak pinjaman lalu meningkatkan jangkauan PKS dengan adanya tambahan modal yang boleh digunakan.

CGC akan mempertingkatkan lagi peranan 16 cawangannya di seluruh negara untuk mendapat impak yang lebih besar dalam menjangkau pelanggan yang berpotensi. Memandangkan banyak PKS kekurangan maklumat dan pengetahuan tentang cara untuk mendapatkan pelbagai penyelesaian kewangan dan khidmat

nasihat yang ditawarkan oleh CGC, kakitangan cawangan akan mewujudkan kerjasama rapat dengan perniagaan setempat dan persatuan – persatuan perdagangan untuk menambah baik lagi program – program kesedaran. Di samping itu, CGC juga merancang untuk mempertingkatkan lagi tahap perkhidmatan pelanggannya melalui penerapan budaya khidmat pelanggan yang kukuh dan penambahbaikan proses bagi memenuhi piagam pelanggannya.

Dengan pelantikan sebagai pentadbir Skim Pembiayaan Harta Intelek (IPFS) oleh Kementerian Kewangan, CGC bekerja rapat dengan Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV) bagi membolehkan PKS mengembangkan lagi perniagaan mereka dengan menggunakan hak harta intelek (IPR) sebagai cagaran untuk mendapatkan pembiayaan. Dana RM200 juta yang ditawarkan melalui MDV akan dijamin 50% oleh CGC. Kerjasama di antara kedua-dua pihak juga akan meningkat dengan penyertaan MDV dalam SPTH. CGC akan menyediakan perlindungan jaminan untuk permohonan pinjaman SPTH yang diluluskan oleh MDV tertakluk kepada jumlah pembiayaan sehingga RM200 juta dan tempoh sah sijil hijau yang dikeluarkan oleh Malaysian Green Technology Corporation.

Dengan kewujudan inisiatif ini di samping prospek ekonomi Malaysia yang positif, kami berharap untuk mencapai prestasi yang lebih menggalakkan untuk tahun 2013 serta perniagaan yang lebih mampan, dinamik dan progresif di dalam usaha kami untuk kekal sebagai institusi utama sokongan PKS di dalam memperolehi akses kepada pembiayaan di masa hadapan.




Datuk Wan Azhar Wan Ahmad
Ketua Pegawai Eksekutif


SOROTAN OPERASI

BILANGAN DAN NILAI PINJAMAN DIJAMIN TERKUMPUL DI BAWAH SEMUA SKIM

TAHUN	2008	2009	2010	2011	2012
Bilangan	388,818	402,891	410,561	418,065	420,217
Nilai (RM bilion)	41.8	44.9	47.4	50.3	51.4




BILANGAN




NILAI
(RM bilion)

PINJAMAN DIJAMIN (MENGIKUT BILANGAN DAN NILAI) DI BAWAH SEMUA SKIM

TAHUN	2008	2009	2010	2011	2012
Bilangan	10,368	14,073	7,670	7,504	2,152
Nilai (RM bilion)	3.0	3.1	2.5	2.9	1.1




BILANGAN




NILAI
(RM bilion)

TABURAN SAIZ PINJAMAN DI BAWAH SEMUA SKIM

TABURAN	SEMUA SKIM			
	Bilangan	Peratus (%)	Nilai (RM juta)	Peratus (%)
RM100,000 & ke bawah	691	32.1	63.5	6.0
RM100,001 – RM500,000	1,185	55.1	361.4	33.9
RM500,001 – RM1,000,000	164	7.6	158.8	14.9
RM1,000,001 – RM2,000,000	65	3.0	84.8	7.9
RM2,000,001 & ke atas	47	2.2	397.6	37.3
Jumlah	2,152	100.0	1,066.1	100.0




BILANGAN



NILAI


PECAHAN PINJAMAN BERDASARKAN KAUM UNTUK SKIM UTAMA, SKIM PEMBIAYAAN DAN JAMINAN BERPORTFOLIO (Mengikut Bilangan Pinjaman)

Kaum	Bilangan	Peratus (%)
Bumiputera	592	31.4
Cina	1,217	64.5
India	54	2.8
Lain-lain	24	1.3
Jumlah	1,887	100.0



PECAHAN PINJAMAN BERDASARKAN KAUM UNTUK SKIM-SKIM PEMBIAYAAN BERPROGRAM (Mengikut Bilangan Pinjaman)

Kaum	Bilangan	Peratus (%)
Bumiputera	106	40.0
Cina	146	55.1
India	9	3.4
Lain-lain	4	1.5
Jumlah	265	100.0



SOKONGAN PELANGGAN



Komitmen CGC untuk memberi perkhidmatan pelanggan yang berkualiti tinggi selaras dengan misi syarikat iaitu untuk meningkatkan daya maju perusahaan kecil dan sederhana (PKS) melalui penyediaan produk dan perkhidmatan pada terma yang kompetitif dan dengan tahap profesionalisme, kecekapan dan keberkesanan yang tinggi.

Pada tahun 2012, lebih daripada 12,000 pertanyaan pelanggan telah diterima dari seluruh negara dan berjaya diselesaikan dalam tempoh masa yang termaktub di dalam piagam pelanggan. CGC memastikan bukan hanya kepuasan pelanggan yang lebih tinggi tetapi juga keperluan setiap pelanggan dipenuhi.

Pusat Khidmat Pelanggan CGC mencatat kadar pencapaian sebanyak 97% dari segi Resolusi Panggilan Pertama (FCR). Pencapaian ini mencerminkan peningkatan dalam aliran proses dan sistem perkhidmatan pelanggan CGC. Perkhidmatan ini membolehkan pelanggan kami mendapat maklumat dengan segera dan menyelesaikan apa-apa isu dengan cepat dan berkesan.

Dengan sistem khidmat pelanggan kami yang dipertingkatkan dan menyeluruh yang diuruskan oleh Eksekutif Khidmat Pelanggan, pihak CGC mampu menjawab

semua pertanyaan dan membantu pelanggan-pelanggannya untuk memahami produk, perkhidmatan dan proses dengan lebih baik.

Peranan CSC juga telah diperluaskan untuk menyokong fokus CGC dalam menggerakkan pertumbuhan bagi jangkauan yang lebih luas pada 2013. Bidang tumpuan, antara lain, adalah seperti berikut:

- Memberi khidmat nasihat kepada pelanggan untuk memperbaiki rekod kredit dan bankabiliti.
- Untuk menggalakkan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) dengan menyediakan khidmat nasihat kepada syarikat-syarikat yang diiktiraf dengan Sijil GreenTech

Menyedari hakikat bahawa pelanggan-pelanggan CGC adalah sebahagian daripada sektor PKS dan kejayaan mereka adalah kejayaan CGC, kami akan terus memberi skim jaminan yang lebih mudah diakses melalui pelbagai program pembiayaan dan aktiviti kepada pelanggan kami. Pada 2012, CGC telah mengadakan siri jelajah di seluruh negara untuk meningkatkan kesedaran terhadap skim-skim dan lain-lain perkhidmatan yang kami tawarkan.

Operasi rangkaian cawangan di seluruh negara membolehkan CGC memupuk hubungan yang baik dan kefahaman PKS tempatan. CGC dapat mendekati komuniti perniagaan tempatan dan menyediakan sokongan kewangan serta khidmat nasihat. Lanjutan daripada inisiatif ini, peranan cawangan juga telah dipertingkatkan dan diperluaskan untuk memberi sokongan yang lebih baik kepada PKS.

CGC juga telah mengambil inisiatif untuk membantu usahawan-usahawan Bumiputera melalui khidmat nasihat dan pelbagai program latihan. CGC juga bekerjasama dengan dewan-dewan perniagaan dan agensi-agensi yang berkaitan dengan menjalankan program usahasama bertujuan untuk membolehkan masyarakat Bumiputera yang berdaya saing untuk mendapatkan pembiayaan yang amat diperlukan untuk perniagaan mereka.

CGC mendengar dan bertindak atas apa yang penting bagi PKS untuk memastikan mereka mencapai kejayaan yang besar dalam perniagaan mereka. Kami optimis bahawa dengan segala usaha yang dilaksanakan, perkhidmatan pelanggan CGC akan terus berada di tahap yang tertinggi.

SOROTAN PERISTIWA



Pendokong Utama PKS: (Kiri ke kanan) Wakil daripada Standard Chartered, CIMB Bank, RHB Bank dan Public Bank bergambar bersama anugerah masing-masing di samping Pengarah Urusan CGC, Datuk Wan Azhar Wan Ahmad (ketiga daripada kiri) dan Pengerusi, Dato' Sri Abdul Hamidy Abdul Hafiz (ketiga daripada kanan).

Anugerah Pendokong Utama PKS Ke-17

CGC telah mengadakan majlis penyampaian Anugerah Pendokong Utama PKS ke-17 bersempena dengan Mesyuarat Agung Tahunan ke-39 pada 30 Mei 2012.

Anugerah Pendokong Utama PKS diberikan kepada institusi-institusi kewangan sebagai pengiktirafan terhadap penyertaan aktif mereka melalui skim-skim jaminan CGC yang mana ianya telah memberikan sumbangan besar terhadap pembiayaan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) dan juga kepada prestasi kewangan CGC. Penerima Anugerah Pendokong Utama PKS pada tahun 2012 adalah CIMB Bank, Public Bank, RHB Bank dan Standard Chartered.

CIMB Bank Dianugerahkan Rakan Kewangan Terbaik 2012

CIMB Bank telah dikurniakan dengan anugerah yang terulung iaitu Anugerah Rakan Kewangan Terbaik serta Anugerah Pendokong Utama PKS Bumiputera sebagai pengiktirafan terhadap usaha terpuji ke arah meningkatkan kualiti aset CGC dan juga dalam pembiayaan usahawan Bumiputera. Anugerah-anugerah ini telah disampaikan oleh Pengerusi CGC, Y. Bhg Dato' Sri Abdul Hamidy Abdul Hafiz.



Wakil CIMB menerima anugerah daripada Pengerusi CGC Dato' Sri Abdul Hamidy Abdul Hafiz sambil diperhatikan oleh Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif CGC Datuk Wan Azhar Wan Ahmad.

Datuk Wan Azhar dipilih sebagai Pengerusi ADFIAP

Persatuan Institusi-institusi Pembangunan Kewangan di Asia dan Pasifik (ADFIAP) telah melantik Y. Bhg Datuk Wan Azhar Wan Ahmad, Pengarah Urusan CGC sebagai Pengerusi yang baharu. Pelantikan tersebut disempurnakan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah ADFIAP ke-75 di Istanbul, Turki pada 25 – 27 April 2012 yang dianjurkan oleh Bank Pembangunan Turki.

Datuk Wan Azhar, yang menggantikan Encik Nihal Fonseka, Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif DFCC Bank Sri Lanka, juga merangkap pengerusi Insituti Pembangunan Pembiayaan Persekutuan Dunia (WFDPI) untuk tempoh dua tahun.



Datuk Wan Azhar Wan Ahmad, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif CGC (kiri) menerima watikah pelantikan pengerusi dari mantan pengerusi Encik Nihal Fonseka, Pengarah/Ketua Pegawai Eksekutif DFCC Bank Sri Lanka.



Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Wan Azhar Wan Ahmad di kalangan ahli-ahli panel di Dialog IDC mengenai Kerjasama Selatan-Selatan diadakan di Johannesburg, Afrika Selatan dan disiarkan oleh CNBC Afrika pada 16 November 2012.



Pengurus Besar Kanan Hal Ehwal Korporat CGC En. K. Sathasivan (ke-6 dari kiri) menerima anugerah daripada Menteri Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air YB Dato' Sri Peter Chin Fah Kui (ke-3 dari kanan).

CGC dikurniakan Anugerah Sahabat Negara PKS 2012

Bagi tahun kedua yang berturut-turut, CGC telah dikurniakan Anugerah Sahabat Negara PKS 2012 oleh Persatuan IKS Malaysia sebagai satu pengiktirafan terhadap sumbangannya di dalam pembangunan dan promosi PKS di negara ini. Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, YB Dato' Sri Peter Chin Fah Kui di malam Penyampaian Pengiktirafan Anugerah PKS dan Makan Malam Persatuan IKS yang ke-10 pada 13 Disember 2012. Anugerah telah diterima oleh En. K. Sathasivan, Pengurus Besar Kanan Hal Ehwal Korporat yang mewakili CGC.

Program-program Pencapaian PKS

CGC telah mengadakan siri jelajah seluruh negara sepanjang tahun ini sebagai sebahagian inisiatif-inisiatif yang strategik untuk meningkatkan kemajuan PKS yang berterusan. Objektif siri jelajah ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan produk-produk dan perkhidmatan CGC, menyediakan khidmat-khidmat nasihat tentang prosedur-prosedur permohonan pinjaman, cara-cara untuk memperolehi pembiayaan, kepentingan mengekalkan rekod yang baik dan kelayakan kredit untuk keupayaan mendapatkan pembiayaan yang lebih besar. Selain daripada itu, siri-siri jelajah juga dianjurkan bagi merapatkan hubungan dengan PKS untuk lebih memahami isu-isu mereka dan keperluan-keperluan pembiayaan.

Klinik Usahawan Bumiputera

Dalam tahun 2012, CGC telah mengadakan beberapa klinik Usahawan Bumiputera seluruh Negara. Objektif klinik ini adalah untuk membantu kontraktor-kontraktor Bumiputera mendapatkan pembiayaan daripada Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i berasaskan syariah dan juga menawarkan khidmat nasihat perniagaan. Lebih kurang 2,200 usahawan-usahawan Bumiputera telah menghadiri klinik-klinik tersebut.



Pegawai CGC bersama peserta-peserta di Klinik Usahawan Bumiputera.

Siri Jelajah Skim Pembiayaan Teknologi Hijau

Untuk mempromosikan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (SPTH), satu skim tabung kerajaan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM3.5 bilion, CGC telah mengambil bahagian di dalam siri jelajah ke seluruh negara yang dianjurkan oleh Malaysian Green Technology Corporation bersama Bank Negara Malaysia. Sumbangan dana promosi ini bertujuan meningkatkan kesedaran skim tersebut di kalangan peniaga-peniaga, orang awam dan juga bank-bank serta untuk menjelaskan isu-isu biasa yang dihadapi oleh peniaga yang menceburi projek-projek teknologi hijau, prosedur sijil dan keperluan-keperluan lain untuk memperolehi pembiayaan bagi projek-projek di bawah skim ini.



Sesi soal jawab yang berlangsung di siri jelajah SPTH seluruh Negara.



DI DALAM...

PENYATA KEWANGAN

138	Laporan Pengarah
142	Penyata Kedudukan Kewangan
144	Penyata Pendapatan Komprehensif
146	Penyata Perubahan Ekuiti
148	Penyata Aliran Tunai
150	Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan
209	Penyata Lembaga Pengarah
209	Perakuan Berkanun
210	Laporan Juruaudit

LAPORAN PENGARAH

Para pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan dan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

1. KEGIATAN UTAMA

Syarikat memberi jaminan terhadap kemudahan-kemudahan kredit yang diberikan oleh institusi-institusi kewangan kepada peminjam-peminjam/pelanggan-pelanggan di bawah skim-skim berikut:-

- Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (Pengeluar) – Semakan (SPTH (Pengeluar) – Semakan);
- Skim Pembiayaan Teknologi Hijau – Islam (Pengeluar) – Semakan (SPTH-i (Pengeluar) – Semakan);
- Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (Pengguna) – Semakan (SPTH (Pengguna) – Semakan);
- Skim Pembiayaan Teknologi Hijau – Islam (Pengguna) – Semakan (SPTH-i (Pengguna) – Semakan);
- Skim Jaminan Laluan Terus “Start Up” (Semakan 2) (SJLT-Start Up (Semakan 2));
- Skim Jaminan Laluan Terus (Semakan 3) (SJLT (Semakan 3));
- Skim Jaminan Laluan Terus – Islam (Semakan 3) (SJLT-i (Semakan 3));
- Skim Kredit “Enhancer” (Semakan 3) (ENHANCER (Semakan 3));
- Skim Kredit “Enhancer” – Islam (Semakan 3) (ENHANCER-i (Semakan 3));
- Skim Kredit “Enhancer” (Semakan 4) (ENHANCER (Semakan 4));
- Skim Kredit “Enhancer” – Islam (Semakan 4) (ENHANCER-i (Semakan 4));
- Skim Jaminan Anjal – TIKS 2 (Semakan 2) (SJA/TIKS 2 (Semakan 2));
- Skim Jaminan Anjal – Tabung Usahawan Baru 2 (Semakan 2) (SJA/TUB 2 (Semakan 2));
- Skim Jaminan Anjal – TIKS 2 – Islam (Semakan 2) (SJA/TIKS 2-i (Semakan 2));
- Skim Jaminan Anjal – Tabung Usahawan Baru 2 – Islam (Semakan 2) (SJA/TUB 2-i (Semakan 2));
- Skim Pembiayaan Francais (<1.0 juta) (SPF (<1.0 juta));
- Skim Pembiayaan Francais (>1.0 juta) (SPF (>1.0 juta));
- Skim “Enhancer” Ekspres (ENHANCER EKSPRES); dan
- Skim “Enhancer” Terus (ENHANCER TERUS).

Skim-skim berikut telah ditamatkan, tetapi masih belum dilupuskan:-

- Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil (Semakan) (TPUK (Semakan));
- Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil – Bumi (Semakan) (TPUK-Bumi (Semakan));
- Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) (ditamatkan sejak Ogos 1998);
- Skim Kemudahan Jaminan Khas (SKJK) (ditamatkan sejak Julai 2004);
- Skim Jaminan Utama Baru (SJUB) (ditamatkan sejak Mac 2007)
- Skim Jaminan Anjal – PROSPER (SJA-PROSPER);
- Skim Kemudahan Jaminan Khas 2 – Banjir (SKJK);
- Skim Kemudahan Permodenan PKS – Konvensional (SKP PKS – Konvensional); dan
- Skim Kemudahan Bantuan PKS – Konvensional (SKB PKS – Konvensional).

Skim-skim berikut telah ditamatkan, tetapi masih belum dilupuskan:-

- Skim Jaminan Laluan Terus – Skim Kemudahan Bantuan PKS (Konvensional) (SJLT – SKB PKS);
- Skim Kemudahan Permodenan PKS – Islam (SKP PKS-i);
- Skim Kemudahan Bantuan PKS – Islam (SKB PKS-i);
- Skim Bantuan Jaminan PKS – Islam (SBJ PKS-i);
- Skim Bantuan Jaminan PKS – Konvensional (SBJ PKS);
- Skim Perniagaan Kecil Ekspres (SPKE); dan
- Skim Perniagaan Kecil Ekspres – Islam (SPKE-i).

1. KEGIATAN UTAMA (SAMBUNGAN)

Selain dari memberi jaminan, Syarikat juga memberi pinjaman dan bantuan kewangan di bawah skim-skim berikut:-

- Tabung Projek Usahawan Bumiputera – Islam (Semakan) (TPUB-i (Semakan));
- Penebusan dan Penukaran Pinjaman; dan
- Pinjaman-pinjaman yang diambil alih dari Entrepreneur Rehabilitation Fund Sdn. Bhd. (ERF).

Aktiviti utama subsidiari diuraikan di dalam Nota 9 kepada penyata kewangan.

2. HASIL KEWANGAN

	KUMPULAN RM'000	SYARIKAT RM'000
Keuntungan bagi tahun	199,101	160,794
Keuntungan bagi tahun diagihkan kepada:		
Pemegang ekuiti Syarikat	198,948	160,794
Kepentingan luar kawalan	153	–
	199,101	160,794

3. DIVIDEN

Sehingga tahun kewangan yang lepas, Syarikat tidak mengisytiharkan atau membayar sebarang dividen.

Para pengarah tidak mencadangkan sebarang bayaran dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

4. RIZAB DAN PERUNTUKAN

(a) Rizab

Para pengarah telah meluluskan pindahan sebanyak RM24,105,328 dari untung terkumpul Syarikat pada tahun ini ke rizab-rizab berikut:-

		RM'000
Rizab Program Khas	(Nota 21 (a))	6,253
Rizab SPI	(Nota 21 (b))	(4,753)
Rizab Khas	(Nota 21 (c))	22,605
		24,105

(b) Peruntukan untuk tuntutan-tuntutan di bawah Skim-skim Jaminan

Bagi tahun ini, peruntukan sebanyak RM68,396,072 yang mewakili tuntutan yang mungkin dibuat terhadap Syarikat, telah dicajkan ke atas penyata pendapatan komprehensif.

5. HUTANG LAPUK DAN HUTANG RAGU

Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menentukan tindakan telah diambil berhubung dengan penghapusan hutang lapuk dan penyediaan peruntukan hutang ragu, dan telah berpuas hati bahawa semua hutang lapuk telah dihapuskan dan peruntukan hutang ragu yang mencukupi telah disediakan.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang memerlukan mana-mana hutang dihapuskan sebagai hutang lapuk atau jumlah peruntukan hutang ragu yang disediakan di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi pada tahap yang ketara.

6. ASET SEMASA

Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa harta semasa, yang tidak berkemungkinan menunjukkan nilai buku yang sebenar dalam urusan perniagaan biasa Kumpulan dan Syarikat, telah diturun nilai ke paras yang dijangka dapat dihasilkan.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan di mana nilai harta semasa Kumpulan dan Syarikat di dalam penyata kewangan mengelirukan.

7. KAEDAH MENILAI

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang wujud berkaitan dengan kaedah menilai harta atau tanggungan Kumpulan dan Syarikat yang boleh mengelirukan atau tidak berpadanan.

8. LIABILITI LUARJANGKA DAN LAIN-LAIN LIABILITI

Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:-

- (a) sebarang gadaian ke atas harta Kumpulan dan Syarikat yang timbul sejak 31 Disember 2012 yang menjamin liabiliti mana-mana pihak lain; dan
- (b) apa-apa liabiliti luarjangka ke atas Kumpulan dan Syarikat sejak 31 Disember 2012.

Tidak ada liabiliti luarjangka atau lain-lain liabiliti Kumpulan dan Syarikat yang telah atau mungkin dituntut dalam jangkamasa dua belas bulan dari 31 Disember 2012 yang mana, mengikut pendapat para pengarah, akan atau boleh menjejaskan keupayaan Kumpulan dan Syarikat dalam memenuhi tanggungan apabila tiba masanya.

9. PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang boleh membuat jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.

10. PERKARA-PERKARA YANG LUARBIASA

Mengikut pendapat para pengarah:-

- (a) hasil dari operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang butiran, transaksi atau kejadian penting dan luarbiasa; dan
- (b) tiada butiran, urusniaga atau kejadian penting dan luarbiasa yang berbangkit dari 31 Disember 2012 hingga tarikh laporan ini, yang akan menjejaskan dengan nyata hasil kendalian Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan yang mana laporan ini dihasilkan.

11. PENGARAH-PENGARAH

Pengarah-pengarah Syarikat yang memegang jawatan semenjak tarikh Laporan Pengarah yang terakhir adalah:-

Dato' Sri Abdul Hamidy Abdul Hafiz – Pengerusi
Datuk Wan Azhar Wan Ahmad – Pengarah Urusan
Encik Md. Yusof Hussin
Dato' Mohd Hanif Sher Mohamed
Datuk P. Kasi
Datuk Zaiton Mohd Hassan
Datuk David Chua Kok Tee – Dilantik pada 15.2.2013
Encik Chew Sun Teong – Dilantik pada 15.2.2013
Dato' Tan Yew Thong – Meletak jawatan pada 30.5.2012
Dato' Mohd Rosli Abdul Aziz – Meletak jawatan pada 30.5.2012

Tidak ada pengarah yang memiliki kepentingan di dalam saham Syarikat sepanjang tahun yang diliputi oleh penyata pendapatan.

12. FAEDAH PENGARAH

Sejak tahun kewangan yang terakhir, tidak ada pengarah Syarikat yang telah menerima atau berkecualan menerima apa-apa faedah (selain dari faedah yang termasuk dalam jumlah ganjaran yang diterima atau berhak diterima oleh pengarah-pengarah seperti yang tertera di dalam penyata kewangan, atau gaji tetap bagi pekerja sepenuh masa Syarikat) mengikut kontrak yang dibuat oleh Syarikat dengan pengarah atau dengan firma di mana pengarah itu adalah ahli, atau dengan syarikat lain di mana pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

Sama ada pada akhir tahun kewangan atau pada bila-bila masa di sepanjang tahun, Syarikat tidak terlibat dalam sebarang rancangan yang bertujuan untuk membolehkan pengarah memperoleh manfaat melalui pembelian saham atau debentur Syarikat atau mana-mana syarikat lain.

Ditandatangani mengikut resolusi Lembaga Pengarah,



DATO' SRI ABDUL HAMIDY ABDUL HAFIZ
Pengerusi



MD. YUSOF HUSSIN
Pengarah

Kuala Lumpur,
Tarikh: 29 Mac 2013

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2012

	Nota	KUMPULAN			SYARIKAT		
		31.12.2012 RM'000	31.12.2011 RM'000	01.01.2011 RM'000	31.12.2012 RM'000	31.12.2011 RM'000	01.01.2011 RM'000
ASET-ASET							
Aset-aset Bukan Semasa							
Hartanah, loji dan peralatan	7	21,900	32,795	35,158	21,524	32,109	34,103
Aset-aset tidak ketara	8	15,764	12,036	11,443	9,784	6,410	6,018
Pelaburan dalam subsidiari	9	–	–	–	9,900	9,900	9,900
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	10	564,625	526,656	510,284	500,200	500,200	500,200
Dana Pelaburan: Tersedia untuk dijual	11	24,356	24,205	6,414	24,356	24,205	6,414
Produk Berstruktur:							
Nilai saksama melalui untung atau rugi	12	627,685	621,517	340,537	627,685	621,517	340,537
Jumlah belum berbayar dari subsidiari	13	–	–	–	1,265	894	–
		1,254,330	1,217,209	903,836	1,194,714	1,195,235	897,172
Aset-aset Semasa							
Yuran akan diterima		234	8,736	14,710	234	8,736	14,711
Jumlah belum berbayar dari subsidiari	13	–	–	–	830	2	–
Jumlah belum berbayar dari Bank Negara Malaysia	14	6,123	19,946	3,221	6,123	19,946	3,221
Jumlah belum berbayar dari Entrepreneur Rehabilitation Fund Sdn. Bhd.		127	457	6,450	127	457	6,450
Penghutang perniagaan dan lain-lain penghutang	15	31,290	33,898	19,512	29,426	32,865	18,976
Pinjaman dan pendahuluan	16	353,305	400,415	209,029	353,305	400,415	209,029
Pelaburan di dalam sekuriti: Tersedia untuk dijual	17	442,067	550,771	573,349	442,067	550,771	573,349
Pelaburan melalui Pengurus-pengurus Dana: Nilai saksama melalui untung atau rugi	18	971,162	960,069	912,334	971,162	960,069	912,334
Simpanan tetap	19	1,987,935	1,768,528	2,878,862	1,987,935	1,768,528	2,878,862
Pemiutang institusi kewangan		–	4,907	–	–	4,907	–
Wang tunai dan baki-baki bank		37,392	17,391	21,389	36,551	17,062	21,162
		3,829,635	3,765,118	4,638,856	3,827,760	3,763,758	4,638,094
JUMLAH ASET-ASET		5,083,965	4,982,327	5,542,692	5,022,474	4,958,993	5,535,266

Nota-nota di muka surat 150 hingga 208 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

	Nota	KUMPULAN			SYARIKAT		
		31.12.2012 RM'000	31.12.2011 RM'000	01.01.2011 RM'000	31.12.2012 RM'000	31.12.2011 RM'000	01.01.2011 RM'000
EKUITI DAN LIABILITI-LIABILITI							
Ekuiti Yang Diagihkan Kepada Pemegang-pemegang Saham Syarikat							
Modal Saham	20	1,585,600	1,585,600	1,435,600	1,585,600	1,585,600	1,435,600
Rizab-rizab	21	995,503	796,555	719,322	938,524	777,730	715,840
Rizab Nilai saksama	22	(36)	8,604	6,893	(36)	8,604	6,893
Ekuiti Yang Diagihkan Kepada Pemegang Ekuiti							
Kepentingan Luar Kawalan		2,581,067	2,390,759	2,161,815	2,524,088	2,371,934	2,158,333
		2,354	2,201	3,041	-	-	-
JUMLAH EKUITI		2,583,421	2,392,960	2,164,856	2,524,088	2,371,934	2,158,333
Liabiliti-liabiliti Bukan Semasa							
Saham Keutamaan	23	200,000	200,000	200,000	200,000	200,000	200,000
Pinjaman dari Bank Negara Malaysia	24	800,000	800,000	800,000	800,000	800,000	800,000
Skim Kemudahan Permodenan dan Bantuan PKS	25	150,000	850,000	850,000	150,000	850,000	850,000
Skim Jaminan Usahawan Kecil	26	67,000	71,000	79,000	67,000	71,000	79,000
Tabung Usahawan Kecil	27	50,000	50,000	200,000	50,000	50,000	200,000
		1,267,000	1,971,000	2,129,000	1,267,000	1,971,000	2,129,000
Liabiliti-liabiliti Semasa							
Tuntutan-tuntutan pemiutang		164,951	153,478	136,915	164,951	153,478	136,915
Pemiutang institusi kewangan		14,430	-	153,231	14,430	-	153,231
Pemiutang-pemiutang lain	28	120,896	110,632	109,808	118,738	107,584	108,154
Jumlah belum berbayar kepada subsidiari	13	-	-	-	-	740	751
Pinjaman dari Bank Negara Malaysia	24	-	-	450,000	-	-	450,000
Skim Kemudahan Bantuan PKS	25	700,000	-	-	700,000	-	-
Skim Jaminan Usahawan Kecil	26	4,000	4,000	-	4,000	4,000	-
Dana-dana Kerajaan	29	150,000	150,000	150,000	150,000	150,000	150,000
Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil	30	11,108	12,424	18,669	11,108	12,424	18,669
Peruntukan tuntutan bagi Skim-skim Jaminan	31	68,159	187,833	230,213	68,159	187,833	230,213
		1,233,544	618,367	1,248,836	1,231,386	616,059	1,247,933
JUMLAH LIABILITI-LIABILITI		2,500,544	2,589,367	3,377,836	2,498,386	2,587,059	3,376,933
JUMLAH EKUITI & LIABILITI-LIABILITI		5,083,965	4,982,327	5,542,692	5,022,474	4,958,993	5,535,266

Nota-nota di muka surat 150 hingga 208 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	Nota	KUMPULAN		SYARIKAT	
		2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
HASIL	36	298,831	297,580	291,714	293,285
KOS PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN	37	(4,080)	(3,781)	-	-
PELBAGAI PENDAPATAN KENDALIAN	38	70,195	59,839	70,468	60,070
		364,946	353,638	362,182	353,355
PERBELANJAAN KEBAJIKAN PEKERJA		(40,486)	(37,366)	(38,765)	(35,774)
SUSUTNILAI HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	7	(6,363)	(6,376)	(6,209)	(6,235)
PELUNASAN ASET-ASET TIDAK KETARA	8	(2,765)	(2,053)	(2,766)	(2,052)
PERUNTUKAN TUNTUTAN (BERSIH)		(68,396)	(175,778)	(68,396)	(175,778)
ELAUN UNTUK ROSOT NILAI (BERSIH)		(65,341)	(23,089)	(65,341)	(23,089)
FAEDAH DAN KOS PERKHIDMATAN KE ATAS PINJAMAN KERAJAAN		(4,500)	(10,877)	(4,500)	(10,877)
PELBAGAI PERBELANJAAN KENDALIAN		(15,960)	(34,429)	(15,411)	(34,012)
JUMLAH PERBELANJAAN KENDALIAN		(203,811)	(289,968)	(201,388)	(287,817)
PERKONGSIAN HASIL KEUNTUNGAN DARI SYARIKAT BERSEKUTU		37,968	16,372	-	-
UNTUNG SEBELUM CUKAI	39	199,103	80,042	160,794	65,538
CUKAI	40	2	1	-	-
UNTUNG BERSIH BAGI TAHUN		199,101	80,041	160,794	65,538
LAIN-LAIN PENDAPATAN KOMPREHENSIF					
ASET KEWANGAN TERSEDIA UNTUK DIJUAL					
- (RUGI)/UNTUNG DALAM TAHUN SEMASA		(7,129)	3,165	(7,129)	3,165
- PELARASAN KLASIFIKASI SEMULA BAGI UNTUNG DI DALAM UNTUNG ATAU RUGI		(1,511)	(1,454)	(1,511)	(1,454)
		(8,640)	1,711	(8,640)	1,711
JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN		190,461	81,752	152,154	67,249

Nota-nota di muka surat 150 hingga 208 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
UNTUNG BERSIH BAGI TAHUN DIAGIHKAN KEPADA:				
PEMEGANG EKUITI SYARIKAT	198,948	80,881	160,794	65,538
KEPENTINGAN LUAR KAWALAN	153	(840)	-	-
	199,101	80,041	160,794	65,538
JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN DIAGIHKAN KEPADA:				
PEMEGANG EKUITI SYARIKAT	190,308	82,592	152,154	67,249
KEPENTINGAN LUAR KAWALAN	153	(840)	-	-
	190,461	81,752	152,154	67,249

Nota-nota di muka surat 150 hingga 208 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Pengagihan ekuiti kepada pemegang-pemegang saham Syarikat

KUMPULAN	Nota	Tidak Boleh Diagihkan					Boleh Diagihkan			
		Modal Saham Biasa RM'000	Rizab Khas RM'000	Rizab Program Khas RM'000	Rizab Skim Perbankan Islam "SPI" RM'000	Rizab Nilai Saksama RM'000	Untung Berkumpul RM'000	Jumlah RM'000	Kepentingan Luar Kawalan RM'000	Jumlah RM'000
Baki pada 1 Januari 2011										
– Seperti yang telah dinyatakan		1,435,600	247,411	208,650	19,879	6,893	252,845	2,171,278	3,041	2,174,319
– Kesan dari adaptasi MFRS	46	–	–	–	–	–	(9,463)	(9,463)	–	(9,463)
Baki pada 1 Januari 2011, dinyatakan semula		1,435,600	247,411	208,650	19,879	6,893	243,382	2,161,815	3,041	2,164,856
Terbitan saham dalam tahun semasa	20	150,000	–	–	–	–	–	150,000	–	150,000
Bayaran balik dalam tahun semasa	21	–	–	(3,648)	–	–	–	(3,648)	–	(3,648)
Untung bagi tahun		–	–	–	–	–	80,881	80,881	(840)	80,041
Lain-lain pendapatan komprehensif bagi tahun	22	–	–	–	–	1,711	–	1,711	–	1,711
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun		–	–	–	–	1,711	80,881	82,592	(840)	81,752
Pindahan di antara rizab-rizab	21	–	30,245	1,837	(542)	–	(31,540)	–	–	–
Baki pada 31 Disember 2011		1,585,600	277,656	206,839	19,337	8,604	292,723	2,400,222	2,201	2,402,423
Untung bagi tahun		–	–	–	–	–	198,948	198,948	153	199,101
Lain-lain rugi komprehensif bagi tahun	22	–	–	–	–	(8,640)	–	(8,640)	–	(8,640)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun		–	–	–	–	(8,640)	198,948	190,308	153	190,461
Pindahan di antara rizab-rizab	21	–	22,605	6,253	(4,753)	–	(24,105)	–	–	–
Baki pada 31 Disember 2012		1,585,600	300,261	213,092	14,584	(36)	467,566	2,590,530	2,354	2,592,884

Nota-nota di muka surat 150 hingga 208 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

Pengagihan ekuiti kepada pemegang-pemegang saham Syarikat

SYARIKAT	Nota	Tidak Boleh Diagihkan					Boleh Diagihkan		Jumlah RM'000
		Modal Saham Biasa RM'000	Rizab Khas RM'000	Rizab Program Khas RM'000	Rizab Skim Perbankan Islam "SPI" RM'000	Rizab Nilai Saksama RM'000	Untung Terkumpul RM'000		
Baki pada 1 Januari 2011									
– Seperti yang telah dinyatakan		1,435,600	247,411	208,650	19,879	6,893	249,363	2,167,796	
– Kesan dari adaptasi MFRS	46	–	–	–	–	–	(9,463)	(9,463)	
Baki pada 1 Januari 2011, dinyatakan semula		1,435,600	247,411	208,650	19,879	6,893	239,900	2,158,333	
Terbitan saham dalam tahun semasa	20	150,000	–	–	–	–	–	150,000	
Bayaran balik dalam tahun semasa	21	–	–	(3,648)	–	–	–	(3,648)	
Untung bagi tahun		–	–	–	–	–	65,538	65,538	
Lain-lain pendapatan komprehensif bagi tahun	22	–	–	–	–	1,711	–	1,711	
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun		–	–	–	–	1,711	65,538	67,249	
Pindahan di antara rizab-rizab	21	–	30,245	1,837	(542)	–	(31,540)	–	
Baki pada 31 Disember 2011		1,585,600	277,656	206,839	19,337	8,604	273,898	2,371,934	
Untung bagi tahun		–	–	–	–	–	160,794	160,794	
Lain-lain rugi komprehensif bagi tahun	22	–	–	–	–	(8,640)	–	(8,640)	
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun		–	–	–	–	(8,640)	160,794	152,154	
Pindahan di antara rizab-rizab	21	–	22,605	6,253	(4,753)	–	(24,105)	–	
Pada 31 Disember 2012		1,585,600	300,261	213,092	14,584	(36)	410,587	2,524,088	

Nota-nota di muka surat 150 hingga 208 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN KENDALIAN				
Untung bersih bagi tahun	199,101	80,041	160,794	65,538
Pelarasan untuk:				
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	6,605	6,617	6,209	6,235
Pelunasan aset-aset tidak ketara	4,822	3,922	2,766	2,052
Peruntukan tuntutan Skim Jaminan (Bersih)	68,396	175,778	68,396	175,778
Elaun rosotnilai pinjaman dan pendahuluan (Bersih)	65,341	23,089	65,341	23,089
Untung atas pelupusan pelaburan sekuriti	(1,610)	(1,575)	(1,610)	(1,575)
Untung bersih atas pelaburan melalui pengurus dana	(11,093)	(47,735)	(11,093)	(47,735)
(Untung)/rugi atas nilai saksama produk berstruktur	(6,168)	19,020	(6,168)	19,020
Perkongsian keuntungan syarikat bersekutu	(37,968)	(16,372)	-	-
Rugi/(untung) atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan	83	(261)	83	(261)
Penghapusan hartanah, loji dan peralatan	-	2	-	1
<hr/>				
Keuntungan pengendalian sebelum perubahan dalam modal pusingan	287,509	242,526	284,718	242,142
Kurangan dalam yuran akan diterima	8,502	5,974	8,502	5,975
(Tambahan)/kurangan dalam faedah akan diterima	(7,659)	6,468	(7,659)	6,468
Kurangan/(tambahan) penghutang-penghutang perdagangan dan lain-lain	5,161	(16,071)	5,993	(10,668)
Tambahan pinjaman dan pendahuluan	(18,231)	(208,483)	(18,231)	(208,483)
Kurangan/(tambahan) dalam jumlah belum berbayar dari Bank Negara Malaysia	13,823	(26,365)	13,823	(26,365)
Tambahan dalam jumlah belum bayar dari subsidiari	-	-	(1,939)	(907)
Kurangan dalam jumlah belum bayar dari Entrepreneur Rehabilitation Fund Sdn. Bhd.	330	5,993	330	5,993
Tambahan/(kurangan) dalam lain-lain pemiutang	10,264	1,370	11,154	(4,930)
Tambahan tuntutan-tuntutan pemiutang	45,268	15,853	45,268	15,853
Tambahan/(kurangan) dalam pemiutang institusi kewangan	19,337	(158,138)	19,337	(158,138)
<hr/>				
Wang tunai dihasilkan dari pengendalian	364,304	(130,873)	361,296	(133,060)
Pembayaran tuntutan di bawah Skim-skim Jaminan	(221,865)	(217,448)	(221,865)	(217,448)
<hr/>				
Wang tunai bersih dihasilkan daripada/ (digunakan untuk) kegiatan pengendalian	142,439	(348,321)	139,431	(350,508)

Nota-nota di muka surat 150 hingga 208 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PELABURAN				
Perolehan dari sekuriti pelaburan matang	106,237	38,197	106,237	38,197
Perolehan dari penjualan hartanah, loji dan peralatan	-	262	-	262
Caruman dan bayaran bagi pelaburan di dalam Dana Pelaburan	(233)	(15,165)	(233)	(15,165)
Perolehan dari agihan tidak boleh batal di dalam Dana Pelaburan	937	-	937	-
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(1,933)	(4,257)	(1,847)	(4,243)
Pembelian aset-aset tidak ketara	(2,410)	(4,515)	-	(2,444)
Caruman dan bayaran bagi sekuriti pelaburan	-	(314,961)	-	(314,961)
Wang tunai bersih dihasilkan dari/ (digunakan dalam) kegiatan pelaburan	102,598	(300,439)	105,094	(298,354)
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PEMBIAYAAN				
Pembayaran balik Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil	(1,316)	(6,245)	(1,316)	(6,245)
Pembayaran balik kepada Bank Negara Malaysia	-	(450,000)	-	(450,000)
Pembayaran balik kepada MOF	(4,000)	(4,000)	(4,000)	(4,000)
Wang tunai bersih digunakan dalam kegiatan pembiayaan	(5,316)	(460,245)	(5,316)	(460,245)
TAMBAHAN/(KURANGAN) BERSIH WANG TUNAI DAN KESAMAAN WANG TUNAI DALAM TAHUN	239,721	(1,109,005)	239,209	(1,109,107)
WANG TUNAI DAN KESAMAAN WANG TUNAI PADA 1 JANUARI	1,773,818	2,882,823	1,773,489	2,882,596
WANG TUNAI DAN KESAMAAN WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER	2,013,539	1,773,818	2,012,698	1,773,489
WANG TUNAI DAN KESAMAAN WANG TUNAI MERANGKUMI:				
Simpanan bertempoh (Nota 19)	1,976,147	1,756,427	1,976,147	1,756,427
Wang tunai dan baki dalam bank	37,392	17,391	36,551	17,062
	2,013,539	1,773,818	2,012,698	1,773,489

Nota-nota di muka surat 150 hingga 208 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2012

1. MAKLUMAT AM

Kegiatan utama Syarikat adalah memberi jaminan, pinjaman dan pembiayaan. Aktiviti utama subsidiari dihuraikan di dalam Nota 9 kepada penyata kewangan.

Syarikat ialah sebuah syarikat awam yang mempunyai liabiliti terhad, ditubuhkan dan bermastautin di Malaysia.

Alamat pejabat berdaftar Syarikat ialah di Aras 13, Bangunan CGC, Kelana Business Centre, No. 97, Jalan SS 7/2, 47301 Petaling Jaya, Selangor.

Tempat urusan perniagaan utama Syarikat ialah di Aras 13-16, Bangunan CGC, Kelana Business Centre, No. 97, Jalan SS 7/2, 47301 Petaling Jaya, Selangor.

Penyata kewangan Syarikat telah diluluskan untuk terbitan oleh Lembaga Pengarah pada 29 Mac 2013.

2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan mengikut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia seperti yang telah diubahsuai oleh Garispanduan Bank Negara Malaysia.

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 adalah set penyata kewangan pertama yang disediakan mengikut MFRS, termasuk MFRS 1 'Adaptasi kali pertama Piawaian Laporan Kewangan Malaysia'. Tertakluk kepada pemilihan peralihan tertentu yang dinyatakan dalam Nota 45, Kumpulan dan Syarikat telah menggunakan secara konsisten polisi-polisi perakaunan yang sama dalam baki permulaan penyata kedudukan kewangan MFRS pada 1 Januari 2011 (tarikh peralihan) dan bagi semua tahun-tahun yang telah dibentangkan, seolah-olah polisi-polisi berkenaan sentiasa digunakan. Angka-angka perbandingan bagi 2011 dalam penyata kewangan tersebut telah dinyatakan semula untuk menunjukkan kesan perubahan berkaitan. Kesan kewangan kerana peralihan kepada MFRS didedahkan dalam Nota 46.

Penyata kewangan telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah kecuali bagi aset kewangan yang tersedia untuk dijual dan aset kewangan pada nilai saksama melalui untung dan rugi yang telah dinilai mengikut nilai saksama.

Pindaan bagi MFRS yang telah diadaptasi awal oleh Kumpulan dan Syarikat

Kumpulan dan Syarikat telah menerimapakai awal pindaan bagi MFRS 1, Adaptasi kali pertama Piawaian Laporan Kewangan Malaysia – Pinjaman Kerajaan yang berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2013. Pindaan ini memberi pengecualian kepada permohonan retrospektif MFRS untuk menetapkan bahawa penerimapakai pertama kali harus menerimapakai ketetapan MFRS 120, *Perakaunan bagi Geran Kerajaan dan Pendedahan Bantuan Kerajaan* secara prospektif bagi pinjaman kerajaan yang wujud pada tarikh peralihan kepada MFRS.

Adaptasi pindaan-pindaan tersebut tidak memberi kesan ke atas keputusan kewangan Kumpulan dan Syarikat seperti yang diterangkan dalam Nota 46.

MFRS Baru dan Disemak, Interpretasi IC dan Pindaan kepada MFRS dan Interpretasi IC Yang Belum Berkuatkuasa dan Tidak Digunapakai Lebih Awal Sebelum Berkuatkuasa

Berikut adalah piawaian perakaunan, pindaan dan interpretasi rangkakerja MFRS yang telah diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") tetapi masih belum digunapakai oleh Kumpulan dan Syarikat:

2. ASAS PENYEDIAAN (SAMBUNGAN)

MFRS Baru dan Disemak, Interpretasi IC dan Pindaan kepada MFRS dan Interpretasi IC Yang Belum Berkuatkuasa dan Tidak Digunakan Lebih Awal Sebelum Berkuatkuasa (Sambungan)

		Berkuatkuasa bagi tahun kewangan pada atau selepas
Pindaan kepada MFRS 101	Pembentangan Butiran Lain-lain Pendapatan Komprehensif	1 Julai 2012
MFRS 10	Penyata Kewangan Disatukan	1 Januari 2013
MFRS 11	Pengaturan Bersama	1 Januari 2013
MFRS 12	Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain	1 Januari 2013
MFRS 13	Pengukuran nilai saksama	1 Januari 2013
MFRS 119	Manfaat bagi Pekerja (Pindaan Mei 2011)	1 Januari 2013
MFRS 127	Pengasingan Penyata Kewangan (Pindaan Mei 2011)	1 Januari 2013
MFRS 128	Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Syarikat Kerjasama (Pindaan Mei 2011)	1 Januari 2013
Interpretasi IC 20	Melucutkan Kos pada Fasa Pengeluaran Perlombongan Dasar	1 Januari 2013
Pindaan kepada MFRS 7	Instrumen Kewangan: Pendedahan – Perbezaan Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan	1 Januari 2013
Pindaan kepada MFRS 1	Adaptasi pertama Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2009-2011)	1 Januari 2013
Pindaan kepada MFRS 101	Pembentangan Penyata Kewangan (Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2009-2011)	1 Januari 2013
Pindaan kepada MFRS 116	Hartanah, Loji dan Peralatan (Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2009-2011)	1 Januari 2013
Pindaan kepada MFRS 132	Instrumen Kewangan: Pembentangan (Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2009-2011)	1 Januari 2013
Pindaan kepada MFRS 134	Laporan Kewangan Interim (Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2009-2011)	1 Januari 2013
Pindaan kepada MFRS 10	Penyata Kewangan Disatukan: Garispanduan Peralihan	1 Januari 2013
Pindaan kepada MFRS 11	Pengaturan Bersama: Garispanduan Peralihan	1 Januari 2013
Pindaan kepada MFRS 12	Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain: Garispanduan Peralihan	1 Januari 2013
Pindaan kepada MFRS 132	Instrumen Kewangan: Pembentangan – Perbezaan Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan	1 Januari 2014
Pindaan kepada MFRS 10, MFRS 12 dan MFRS 127	Entiti Pelaburan	1 Januari 2014
MFRS 9	Instrumen Kewangan (2009)	1 Januari 2015
MFRS 9	Instrumen Kewangan (2010)	1 Januari 2015
Pindaan kepada MFRS 7	Instrumen Kewangan: Pendedahan – Tarikh Mandatori bagi MFRS 9 dan Pendedahan Peralihan	1 Januari 2015

2. ASAS PENYEDIAAN (SAMBUNGAN)

MFRS Baru dan Disemak, Interpretasi IC dan Pindaan kepada MFRS dan Interpretasi IC Yang Belum Berkuatkuasa dan Tidak Digunapakai Lebih Awal Sebelum Berkuatkuasa (Sambungan)

Kesan ketara perlaksanaan mula ke atas piawaian, pindaan atau interpretasi dibincangkan seperti berikut:

MFRS 10, Penyata Kewangan Disatukan

MFRS 10, *Penyata Kewangan Disatukan* memperkenalkan model kawalan tersendiri yang baru untuk menentukan pelaburan mana yang perlu disatukan. MFRS 10 menggantikan MFRS 127, *Penyata Kewangan Disatukan dan Diasingkan* dan Interpretasi IC 112, *Penyatuan – Entiti Kegunaan Khusus*. Terdapat tiga perkara bagi definisi kawalan dalam MFRS 10: (i) kuasa pelabur ke atas entiti dilabur, (ii) pendedahan, atau hak, bagi pulangan tidak tetap dari penglibatan pelabur dengan entiti dilabur, dan (iii) keupayaan pelabur untuk mempengaruhi pulangan tersebut melalui kuasanya ke atas entiti dilabur.

MFRS 11, Pengaturan Bersama

MFRS 11, *Pengaturan Bersama* melahirkan asas klasifikasi dan perakaunan bagi pengaturan bersama dan menggantikan MFRS 131, *Kepentingan dalam Kerjasama*. Di bawah MFRS 11, pengaturan bersama mungkin dikelaskan sebagai kerjasama atau kendalian bersama. Kepentingan dalam kerjasama diambilkira dengan kaedah ekuiti manakala kepentingan dalam kendalian bersama diambilkira dengan menggunakan MFRS berkaitan aset terselindung, tanggungan, pendapatan dan perbelanjaan yang wujud hasil dari kendalian bersama berkenaan.

MFRS 12, Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain

MFRS 12, *Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain* menetapkan pendedahan yang sewajarnya bagi entiti-entiti di bawah dua piawaian baru, MFRS 10 dan MFRS 11, dan menggantikan keperluan pendedahan semasa yang terkandung dalam MFRS 128, *Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu*. Ia memerlukan entiti mendedahkan maklumat yang membantu pembaca penyata kewangan menilai asas, risiko dan kesan kewangan akibat daripada kepentingan dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu, pengaturan bersama dan entiti berstruktur yang tidak disatukan.

MFRS 13, Pengukuran Nilai Saksama

MFRS 13, *Pengukuran Nilai Saksama* bertujuan untuk menambahbaik konsistensi dan mengurangkan kesukaran dengan memberi definisi yang tepat bagi nilai saksama dan sumber utama pengukuran nilai saksama dan keperluan pendedahan untuk kegunaan MFRS secara menyeluruh. Keperluan tersebut tidak melanjutkan penggunaan perakaunan nilai saksama tetapi memberi panduan tentang bagaimana ia sepatutnya dilaksanakan di mana kegunaannya telah ditetapkan atau dibenarkan piawaian lain. Keperluan pendedahan tambahan hampir sama dengan keperluan dalam MFRS 7, *Instrumen Kewangan: Pendedahan*, tetapi digunapakai ke atas semua aset dan liabiliti yang telah diukur pada nilai saksama, bukan untuk kewangan sahaja.

Pindaan bagi MFRS 101, Pembentangan Butiran Lain-lain Pendapatan Komprehensif

Pindaan to MFRS 101, *Pembentangan Butiran Lain-lain Pendapatan Komprehensif* memerlukan pengasingan butiran yang telah dibentangkan sebagai 'lain-lain pendapatan komprehensif' ("OCI") dalam penyata pendapatan komprehensif kepada dua kumpulan, berdasarkan sama ada ianya akan dikitar semula ke dalam untung atau rugi pada masa hadapan. Pindaan tersebut tidak menunjukkan butiran mana yang dibentangkan dalam OCI.

Pindaan bagi MFRS 10, MFRS 12 dan MFRS 127, Entiti Pelaburan

Entiti Pelaburan adalah entiti yang perniagaannya bertujuan melabur semata-mata untuk mendapatkan pulangan dari peningkatan nilai modal, pendapatan pelaburan atau kedua-duanya. Pindaan berkenaan memerlukan entiti pelaburan mengukur perincian subsidiari pada nilai saksama melalui untung atau rugi dan bukan dengan menyatukannya. Pindaan itu juga memperkenalkan keperluan pendedahan baru bagi entiti pelaburan dalam MFRS 12, *Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain* dan MFRS 127, *Pengasingan Penyata Kewangan*.

2. ASAS PENYEDIAAN (SAMBUNGAN)

MFRS Baru dan Disemak, Interpretasi IC dan Pindaan kepada MFRS dan Interpretasi IC Yang Belum Berkuatkuasa dan Tidak Digunapakai Lebih Awal Sebelum Berkuatkuasa (Sambungan)

Kesan ketara perlaksanaan mula ke atas piawaian, pindaan atau interpretasi dibincangkan seperti berikut: (Sambungan)

MFRS 9, Instrumen Kewangan

MFRS 9 menggantikan garis panduan dalam MFRS 139, Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran ke atas klasifikasi dan pengukuran aset kewangan. Apabila MFRS 9 diterimapakai, aset kewangan akan diukur sama ada dengan nilai saksama atau pada kos yang lunaskan. Pelaburan Kumpulan dalam bon dan produk berstruktur dijangka akan diukur pada kos yang dilunaskan.

Penerimaan MFRS 9 akan menyebabkan perubahan dalam polisi perakaunan. Kumpulan sedang mentafsir kesan kewangan apabila MFRS 9 diterimapakai.

Piawaian, pindaan dan pemahaman di atas dijangka tidak akan memberi kesan yang ketara kepada penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat dalam tahun permulaan dilaksanakan melainkan didedahkan sebaliknya.

3. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING

Polisi perakaunan yang dinyatakan di bawah telah digunapakai secara konsisten dalam tempoh yang dibentangkan bagi penyata kewangan dan telah digunapakai secara konsisten oleh entiti Kumpulan.

(a) Asas Penyatuan

Penyata Kewangan disatukan adalah termasuk penyata kewangan Syarikat dan subsidiari yang dikeluarkan mengikut tarikh kunci kira-kira. Penyata kewangan subsidiari disediakan pada tarikh yang sama dengan tarikh laporan Syarikat.

Subsidiari adalah entiti, termasuk entiti yang tidak diperbadankan, di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk mengawal polisi-polisi kewangan dan kawalan bagi memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktivitinya. Dalam mentafsirkan kawalan, kewujudan dan kesan ke atas potensi hak mengundi yang boleh digunakan sekarang atau boleh ditukar akan diambilkira dalam akaun. Subsidiari disatukan dari tarikh pemilikan, iaitu pada tarikh Kumpulan memperolehi kawalan dan seterusnya akan disatukan sehingga tarikh kawalan berkenaan terhenti.

Pemilikan subsidiari diambilkira dengan kaedah perakaunan pemilikan kecuali bagi subsidiari yang wujud hasil dari pindahan kawalan umum. Pertimbangan yang telah dipindahkan bagi memiliki subsidiari diukur pada nilai saksama dan diambilkira sebagai jumlah nilai saksama pada tarikh pemilikan aset yang telah dipindahkan, liabiliti yang terlibat, kepentingan ekuiti yang dikeluarkan dan pertimbangan kontigensi yang diberikan. Kos berkaitan dengan pemilikan diambilkira sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana kos tersebut terlibat.

Dalam kombinasi perniagaan secara berperingkat, sebarang kepentingan ekuiti yang dipegang dahulu akan diukur semula pada nilai saksama semasa tarikh pemilikan dan hasil untung atau rugi akan diambilkira dalam untung atau rugi.

Aset yang telah dimiliki dan boleh dikenalpasti dan liabiliti dan liabiliti kontigensi yang wujud dalam kombinasi perniagaan diukur pada nilai saksama semasa tarikh pemilikan, kecuali bagi aset bukan semasa yang dikelaskan sebagai pegangan untuk dijual di mana harus diambilkira pada nilai saksama ditolak kos jualan.

3. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Asas Penyatuan (Sambungan)

Bagi pemilikan pada atau selepas 1 Januari 2011, muhibah diukur sebagai lebih dari jumlah keseluruhan pertimbangan yang telah dipindahkan, jumlah dari sebarang kepentingan luar kawalan dan nilai saksama tarikh pemilikan bagi mana-mana kepentingan ekuiti yang dipegang dahulu ke atas nilai bersih selepas ditolak jumlah nilai saksama bagi pemilikan aset yang boleh dikenalpasti dan liabiliti yang terlibat. Bagi pemilikan sebelum 1 Januari 2011, Kumpulan memilih untuk tidak menyatakan semula kombinasi perniagaan yang berlaku sebelum tarikh peralihan kepada MFRSs, i.e. 1 Januari 2011 sebagai sebahagian peralihan kepada MFRS. Muhibah yang wujud hasil dari pemilikan sebelum 1 Januari 2011 telah dibawa ke hadapan dari rangkakerja FRS dahulu pada tarikh peralihan.

Kepentingan luar kawalan mewakili sebahagian daripada untung atau rugi dan aset bersih subsidiari yang tidak boleh menyumbang, secara langsung atau sebaliknya, kepada Kumpulan. Bagi setiap kombinasi perniagaan, kepentingan luar kawalan diukur sama ada pada nilai saksama semasa tarikh pemilikan atau pada pecahan saham subsidiari yang dimiliki oleh kepentingan luar kawalan ke atas aset bersih yang boleh dikenalpasti. Kepentingan luar kawalan dalam aset bersih subsidiari yang disatukan mengandungi jumlah kepentingan luar kawalan pada tarikh asal kombinasi dan perubahan bahagiannya dalam ekuiti sejak tarikh kombinasi.

Dalam penyediaan penyata kewangan disatukan, baki dan urusniaga antara-kumpulan dan untung belum nyata yang terhasil dihapuskan semasa penyatuan. Rugi belum nyata dihapuskan semasa penyatuan dan aset-aset berkaitan dianggarkan bagi rosotnilai. Penyata kewangan disatukan melibatkan urusniaga dan baki luaran sahaja. Jumlah pendapatan komprehensif subsidiari menyumbang kepada Kumpulan dan kepada kepentingan luar kawalan walaupun tindakan tersebut menyebabkan kepentingan luar kawalan menunjukkan baki kurangan.

Perubahan kepentingan Kumpulan dalam pemilikan subsidiari yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan adalah diambilkira sebagai urusniaga ekuiti. Jika Kumpulan hilang kawalan dalam subsidiari, aset (termasuk sebarang muhibah) dan liabiliti subsidiari dan kepentingan luar kawalan akan dinyahkira pada jumlah bawaannya semasa tarikh di mana kawalan tersebut hilang. Perbezaan yang terhasil di antara jumlah yang dinyahkira dan jumlah keseluruhan nilai saksama pembayaran yang diterima dan pelaburan yang dikekalkan diambilkira sebagai untung atau rugi dalam untung atau rugi yang menyumbang kepada Kumpulan.

(b) Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada nilai kos atau berdasarkan penilaian ditolak susutnilai serta rosotnilai terkumpul.

Kos adalah termasuk perbelanjaan yang berkait langsung dengan pemerolehan aset. Kos aset yang dibangunkan sendiri termasuk kos bahan mentah, buruh langsung dan sebarang kos lain yang berkait langsung untuk membolehkan aset dibawa kepada keadaan di mana ianya boleh digunapakai bagi tujuan yang diinginkan, dan kos pembongkaran serta pemindahan butiran hartanah, loji dan peralatan serta membaikpulih kawasan di mana aset itu diletakkan. Bila mana bahagian-bahagian hartanah, loji dan peralatan mempunyai usiaguna berbeza, setiap bahagian akan diambilkira sebagai butiran tersendiri (komponen utama) dalam hartanah, loji dan peralatan.

Tanah pegangan pajak jangka panjang dinyatakan pada kos selepas ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai.

Kos lanjutan

Kos bagi menggantikan sebahagian daripada barangan dalam hartanah, loji dan peralatan diambilkira dalam jumlah bawaan barangan tersebut jika manfaat ekonomi masa hadapannya terkandung dalam bahagian yang akan mengalir kepada Kumpulan dan Syarikat dan kosnya boleh diukur dengan munasabah. Kos servis harian hartanah, loji dan peralatan diambilkira dalam penyata pendapatan komprehensif apabila berlaku.

3. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(b) Hartanah, Loji dan Peralatan (Sambungan)

Penjualan

Untung atau rugi yang terhasil dari penjualan hartanah, loji dan peralatan ditentukan dengan membandingkan harga jualan bersih dan jumlah bawaan hartanah, loji dan peralatan dan diambilkira secara bersih selari dengan pendapatan lain dalam penyata pendapatan komprehensif pada tarikh penjualan.

Susutnilai

Susutnilai dikira ke atas jumlah yang boleh disusutnilai, iaitu kos aset, atau jumlah lain yang menggantikan kos, ditolak nilai bakian.

Hartanah, loji dan peralatan yang sedang dibina tidak disusutnilaikan. Susutnilai bagi lain-lain hartanah, loji dan peralatan diambilkira dalam penyata pendapatan komprehensif dengan kaedah garis lurus ke atas usiaguna yang dijangkakan bagi setiap butiran hartanah, loji dan peralatan, memandangkan ia akan menggambarkan corak penggunaan faedah ekonomi masa hadapan yang terkandung dalam aset.

Usiaguna yang dianggarkan adalah seperti berikut:

	Tahun	%
Bangunan	25	4
Lain-lain hartanah, loji dan peralatan	5	20

Tanah pajakan disusutnilai ke atas baki tempoh pajakan iaitu 80 tahun.

Kaedah susutnilai, usiaguna dan nilai bakian disemak, dan dilaraskan apabila perlu, pada setiap tarikh laporan.

(c) Pajakan-pajakan

Pajakan diiktiraf sebagai pajakan kewangan jika sebahagian besar risiko dan manfaat berkaitan pemilikan berpindah kepada Kumpulan dan Syarikat.

Pajakan kewangan

Aset-aset yang diperolehi secara sewa beli atau pajakan-pajakan kewangan adalah dinyatakan pada nilai terendah di antara nilai saksama dan nilai kini pembayaran pajakan minima pada permulaan pajakan, ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai. Liabiliti yang berkaitan ditunjukkan sebagai pinjaman di dalam penyata kedudukan kewangan. Dalam pengiraan nilai kini pembayaran pajakan minima, kadar diskaun yang digunakan ialah kadar faedah terkandung di dalam pajakan apabila ia boleh ditentukan secara praktikal; jika tidak, kadar pinjaman yang meningkat akan digunakan.

Bayaran pajakan diagihkan di antara kos kewangan dan pengurangan baki liabiliti. Kos kewangan, yang mewakili perbezaan di antara keseluruhan komitmen pajakan dan nilai saksama aset yang diambilalih, adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan komprehensif di sepanjang penggal pajakan berkenaan untuk menghasilkan kadar berkala yang tetap ke atas baki tanggungan untuk setiap tempoh perakaunan.

Polisi susutnilai bagi aset-aset pajakan adalah konsisten dengan susutnilai hartanah, loji dan peralatan seperti dinyatakan dalam Nota 3(b).

3. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(c) Pajak-pajakan (Sambungan)

Pajakan operasi

Pembayaran yang dibuat ke atas pajak operasi dicajkan kepada penyata pendapatan komprehensif menggunakan kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajak.

(d) Aset-aset tidak ketara

Aset-aset tidak ketara terdiri daripada kos data yang dipermodalkan, perisian aplikasi dan kos laman web.

Aset-aset tidak ketara dengan usia guna yang terhad, dinyatakan pada nilai kos dan ditolak darinya pelupusan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul.

Pelunasan bermula daripada tarikh aset-aset tidak ketara telah tersedia untuk digunakan, dan diambilkira dalam untung dan rugi pada kaedah garis lurus sepanjang usia guna aset-aset tidak ketara.

Usia guna yang dianggarkan adalah seperti berikut:

	Tahun	%
Kos data yang dipermodalkan	5	20
Perisian aplikasi	5	20
Kos laman web	5	20

Kaedah-kaedah pelunasan, usia guna dan nilai bakian disemak semula pada akhir setiap tempoh laporan dan diubah, jika perlu.

Perbelanjaan lanjutan akan dipermodalkan hanya jika ianya meningkatkan faedah-faedah ekonomi pada masa hadapan daripada aset-aset tertentu yang berhubung kait dengannya. Semua perbelanjaan lain akan diambilkira dalam untung dan rugi apabila berlaku.

Perbelanjaan yang terlibat bagi membangunkan perisian dinyatakan sebagai perbelanjaan pembangunan sehingga perisian berkenaan siap untuk digunakan. Perbelanjaan termasuk kos perisian, gaji dan kos pinjaman yang berkaitan dengan pembangunan.

(e) Geran Kerajaan

Manfaat yang berkaitan dengan pinjaman pada kadar faedah di bawah kadar pasaran diterima dari kerajaan adalah dianggap sebagai geran kerajaan. Pinjaman tersebut harus diambilkira sebagai liabiliti dan diukur mengikut MFRS139.

Manfaat berkenaan ditentukan dengan mengambilkira perbezaan di antara nilai bawaan pinjaman tersebut yang ditetapkan oleh MFRS139 dan nilai yang diterima.

Bagi tahun kewangan semasa, Kumpulan telah menerimapakai awal MFRS 1, Adaptasi Kali-pertama Piawaian Laporan Kewangan Malaysia – Pinjaman Kerajaan seperti yang diterangkan dalam Nota 2 dan dikupas lebih mendalam dalam Nota 46 untuk mengambilkira pinjaman pada kadar faedah yang rendah berbanding kadar pasaran.

(f) Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan bukan derivatif

Instrumen kewangan diiktiraf bilamana Kumpulan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan yang berkenaan. Pembelian dan jualan instrumen kewangan secara biasa merupakan pembelian dan jualan yang memerlukan penghantaran aset berkenaan di dalam suatu tempoh masa yang ditentukan oleh regulasi atau konvensyen yang berkuatkuasa di dalam pasaran instrumen kewangan berkenaan. Segala pembelian dan jualan aset kewangan secara biasa diperakunkan pada tarikh urusniaga, iaitu tarikh Kumpulan memberikan komitmen untuk membeli atau menjual aset berkenaan.

3. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(f) Instrumen Kewangan (Sambungan)

Instrumen kewangan bukan derivatif (Sambungan)

Instrumen kewangan bukan derivatif direkodkan pada awalnya pada nilai saksama ditambah dengan kos urusniaga yang berkait langsung dengan instrumen tersebut bagi instrumen yang diklasikan sebagai nilai saksama melalui keuntungan dan kerugian. Selepas pengiktirafan dan klasifikasi awal, instrumen kewangan bukan derivatif akan diukur sebagaimana dinyatakan di bawah.

	<u>Klasifikasi sedia ada</u>	<u>Peraturan pengukuran</u>
Aset kewangan	Nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian	Nilai saksama dengan perubahan nilai saksama diiktiraf di dalam keuntungan atau kerugian
	Dipegang sehingga matang	Kos terlunas, menggunakan kaedah faedah efektif
	Pinjaman dan penghutang	Kos terlunas, menggunakan kaedah faedah efektif
	Tersedia untuk dijual	Nilai saksama dengan perubahan nilai saksama diiktiraf di dalam lain-lain pendapatan komprehensif
Liabiliti kewangan	Nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian	Nilai saksama dengan perubahan nilai saksama diiktiraf di dalam keuntungan atau kerugian
	Lain-lain liabiliti kewangan	Kos terlunas, menggunakan kaedah faedah efektif

Aset kewangan dinyahiktiraf sekiranya hak kontrak Kumpulan untuk menerima aliran tunai daripada aset ini telah tamat tempoh atau Kumpulan telah memindahkan aset kewangan tersebut kepada pihak lain tanpa mengekalkan sebarang bentuk kawalan ke atas aset tersebut atau telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan aset tersebut kepada pihak lain. Semasa aset kewangan dinyahiktiraf keseluruhannya, perbezaan di antara nilai bawaan aset kewangan dan jumlah konsiderasi diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian yang telah diiktiraf di dalam lain-lain pendapatan komprehensif akan diiktiraf di dalam keuntungan atau kerugian.

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi Kumpulan seperti yang dinyatakan di dalam kontrak telahpun tamat tempoh atau telah tamat atau dibatalkan. Apabila liabiliti kewangan yang sedia ada digantikan dengan liabiliti kewangan yang lain daripada pemberi pinjaman yang sama dengan terma yang berbeza secara ketara, atau terma liabiliti yang sedia ada diubahsuai dengan ketara, penggantian atau modifikasi tersebut diperlakukan sebagai penyahiktirafan liabiliti sedia ada dan pengiktirafan liabiliti yang baru, dan perbezaan di antara nilai bawaan masing-masing diiktiraf di dalam lain-lain pendapatan komprehensif.

Aset dan liabiliti kewangan diimbangi dan jumlah bersih ditunjukkan di dalam penyata kedudukan kewangan, bila, dan hanya bila, Kumpulan mempunyai hak di bawah undang-undang untuk mengimbangi jumlah-jumlah yang terlibat dan bercadang untuk sama ada menyelesaikan liabiliti kewangan secara bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti dengan serentak.

3. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(f) Instrumen Kewangan (Sambungan)

Kumpulan mempunyai kategori-kategori instrumen kewangan bukan derivatif seperti berikut:-

Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian

Aset kewangan dikelaskan sebagai aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian sekiranya aset tersebut dipegang untuk dijual atau telah didesignasikan sedemikian semasa ianya diiktiraf. Aset kewangan yang dipegang untuk dijual adalah derivatif (termasuk derivatif tertanam yang telah diasingkan) atau aset kewangan yang telah diperolehi terutamanya untuk dijual di dalam jangka masa terdekat. Aset sedemikian termasuk pelaburan Syarikat dengan pengurus dana.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian diukur pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan di dalam nilai saksama diiktiraf di dalam keuntungan atau kerugian. Keuntungan bersih atau kerugian bersih ke atas aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian tidak termasuk perbezaan di dalam tukaran matawang asing, faedah dan pendapatan dividen. Perbezaan tukaran matawang asing, faedah dan pendapatan dividen ke atas aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian diiktiraf secara berasingan di dalam keuntungan atau kerugian sebagai sebahagian daripada kerugian atau pendapatan lain.

Pinjaman dan penghutang

Pinjaman dan penghutang adalah aset kewangan dengan pembayaran yang tetap atau yang telah ditentukan yang tidak disenaraikan di pasaran aktif. Aset sedemikian tersebut termasuk yuran belum terima Syarikat, jumlah terhutang oleh subsidiari, jumlah terhutang oleh Bank Negara Malaysia, jumlah terhutang oleh syarikat bersekutu, jumlah terhutang oleh ERF Sdn. Bhd., pinjaman dan pendahuluan, deposit, faedah belum terima serta tunai dan baki di bank.

Aset di bawah kategori ini diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama campur sebarang kos urusniaga secara langsung. Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan penghutang diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif, ditolak sebarang rosotnilai.

Pelaburan dipegang sehingga matang

Aset kewangan dengan pembayaran yang tetap atau yang telah ditentukan dan tempoh matang yang tetap dikelaskan sebagai dipegang hingga matang apabila Kumpulan mempunyai maksud positif dan keupayaan untuk memegang aset tersebut sehingga matang.

Selepas pengiktirafan awal, aset yang dipegang sehingga matang diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan dan kerugian diiktiraf di dalam akaun untung dan rugi bilamana aset tersebut dinyahiktiraf atau dirosotnilaikan, dan melalui proses pelunasan kos.

Aset kewangan tersedia untuk dijual

Aset kewangan tersedia untuk dijual adalah aset kewangan yang telah dijuruskan sebagai tersedia untuk dijual atau tidak dikelaskan ke dalam mana-mana satu daripada tiga kategori sebelum ini. Aset sedemikian termasuk sekuriti pelaburan Syarikat dan dana pelaburan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan tersedia untuk dijual diukur pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian daripada perubahan di dalam nilai saksama diiktiraf di dalam lain-lain pendapatan komprehensif, selain daripada rosotnilai, keuntungan atau kerugian daripada pertukaran matawang asing berkenaan dengan instrumen monetari dan faedah dikira menggunakan kaedah faedah efektif yang kesemuanya diiktiraf di dalam keuntungan dan kerugian. Keuntungan atau kerugian kumulatif yang sebelum ini diiktiraf di dalam lain-lain pendapatan komprehensif dikelaskan daripada ekuiti ke untung atau rugi sebagai catatan reklasifikasi bilamana aset kewangan dinyahiktiraf. Dividen daripada aset kewangan tersedia untuk dijual diiktiraf di dalam keuntungan atau kerugian bilamana hak Kumpulan untuk menerima bayaran telah ditentukan.

3. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(f) Instrumen Kewangan (Sambungan)

Lain-lain liabiliti kewangan

Lain-lain liabiliti kewangan Syarikat termasuk tuntutan perlu bayar dan lain-lain pemiutang, jumlah terhutang kepada Bank Negara Malaysia, Kemudahan Permodenan PKS, kemudahan Bantuan PKS, Dana Kerajaan, Dana Pembiayaan Usahawan Kecil, Skim Jaminan Usahawan Kecil dan Tabung Usahawan Kecil.

Liabiliti sedemikian diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama ditambah sebarang kos urusniaga secara langsung. Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan sedemikian dinyatakan pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif.

(g) Rosotnilai aset

Aset kewangan

Kumpulan dan Syarikat mentafsirkan pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti yang jelas bahawa aset kewangan (selain daripada aset kewangan yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi) telah rosotnilai. Aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan yang dijangka akan rosot nilai jika dan hanya jika, terdapat bukti jelas rosotnilai akibat daripada satu atau lebih perkara yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset (perkara yang menyebabkan kerugian) dan perkara merugikan tersebut memberi kesan ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan aset kewangan tersebut atau sekumpulan aset kewangan yang boleh dianggarkan dengan munasabah.

Bukti rosotnilai boleh termasuk petunjuk bahawa peminjam atau sekumpulan peminjam mengalami kesulitan kewangan yang ketara, kebarangkalian mereka akan mufliis atau lain-lain susunan semula, penghutang yang gagal atau tidak membayar faedah atau prinsipal atau di mana data yang dipantau menunjukkan penurunan yang boleh diukur dalam anggaran aliran tunai masa hadapan, seperti perubahan dalam keadaan ekonomi yang berkaitan dengan kegagalan tersebut.

(i) *Pinjaman dan penghutang*

Klasifikasi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan sebagai rosot

Pinjaman dikelaskan sebagai rosot apabila:

- prinsipal atau faedah/keuntungan atau kedua-duanya telah tamat tempoh bayaran selama 3 bulan atau lebih; atau
- di mana pinjaman tidak dibayar selama kurang dari tiga (3) bulan memberi petunjuk kelemahan kredit, sama ada telah atau tidak kerugian rosotnilai diperuntukkan; atau
- di mana pinjaman yang telah rosotnilai melalui penjadualan atau penyusunan semula, pinjaman tersebut akan tetap dikelaskan sebagai rosotnilai sehingga pembayaran balik berdasar terma yang disemak dan/atau melalui penjadualan semula telah dipantau secara berterusan selama enam (6) bulan.

Proses Rosotnilai – Taksiran Individu

Kumpulan dan Syarikat mentaksirkan jika bukti rosotnilai yang jelas wujud bagi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang dijangka akan kesan ketara kepada individu.

Jika sekiranya terdapat bukti jelas tentang kerugian rosotnilai telah berlaku, jumlah kerugian tersebut diukur sebagai perbezaan di antara nilai bawaan pinjaman dan nilai kini bagi anggaran aliran tunai masa hadapan yang telah didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal pinjaman. Nilai bawaan pinjaman dikurangkan melalui akaun elaun dan jumlah kerugian yang diambilkira dalam untung atau rugi.

3. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(g) Rosotnilai aset (Sambungan)

(i) Pinjaman dan penghutang (Sambungan)

Proses Rosotnilai – Taksiran kolektif

Pinjaman yang tidak ketara secara individu dan pinjaman yang telah ditaksir secara individu tanpa bukti kerugian rosotnilai dikumpulkan bersama bagi taksiran rosotnilai kolektif. Pinjaman tersebut dikumpulkan dalam karektor risiko kredit yang serupa bagi taksiran kolektif, di mana data dari potfolio pinjaman (seperti kualiti pinjaman, aras tidak berbayar, penggunaan kredit, nisbah pinjaman kepada cagaran, dan lain-lain) dan penumpuan risiko (seperti keupayaan kumpulan individu yang berlainan adalah diambilkira.

Aliran tunai masa hadapan dalam kumpulan aset kewangan yang dinilai secara kolektif bagi rosotnilai dianggarkan berdasarkan pengalaman kerugian dahulu Kumpulan dan Syarikat. Pengalaman kerugian dahulu dilaraskan berasaskan data semasa yang boleh dipantau untuk menunjukkan kesan keadaan semasa yang tidak memberi kesan kepada jangkamasa di mana pengalaman kerugian dahulu berlaku dan untuk mengalih kesan keadaan dalam jangkamasa dahulu yang tidak wujud pada waktu sekarang.

Anggaran perubahan dalam aliran tunai masa hadapan bagi sekumpulan aset seharusnya memberi kesan dan mempunyai arah tujuan yang konsisten dengan perubahan dalam data berkaitan yang boleh dipantau dari semasa ke semasa. Kaedah dan andaian yang digunakan bagi menganggarkan aliran tunai masa hadapan disemak secara berkala oleh Kumpulan dan Syarikat bagi mengurangkan sebarang perbezaan di antara kerugian yang dianggarkan dan pengalaman kerugian sebenar.

Proses Rosotnilai – Akaun dihapuskira

Di mana pinjaman tidak boleh dikutip, ia akan dihapuskira terhadap elaun berkaitan bagi rosotnilai pinjaman. Pinjaman berkenaan dihapuskira selepas langkah-langkah sewajarnya telah dilaksanakan sepenuhnya dan jumlah kerugian telah ditentukan. Kutipan bagi jumlah yang telah dihapuskira akan diambilkira dalam untung dan rugi.

(ii) Aset tersedia untuk dijual (“AFS”)

Bagi sekuriti AFS, Kumpulan dan Syarikat mentaksirkan pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat bukti jelas yang pelaburan tersebut rosotnilai.

Dalam kes instrumen hutang yang dikelaskan sebagai AFS, Kumpulan dan Syarikat mentaksirkan secara individu sama ada terdapat bukti yang jelas rosotnilai berdasarkan kriteria yang sama dengan aset kewangan yang dinyatakan pada kos pelunasan. Walau bagaimanapun, jumlah yang dicatatkan sebagai rosotnilai adalah kerugian terkumpul yang diukur sebagai perbezaan di antara pelunasan kos dan nilai saksama semasa, ditolak sebarang kerugian rosotnilai ke atas pelaburan yang telah diambilkira dalam untung atau rugi. Pendapatan faedah masa hadapan berasaskan jumlah bawaan berkurang dan diakru menggunakan kadar faedah bagi diskaun aliran tunai masa hadapan dengan tujuan mengukur kerugian rosotnilai.

Dalam kes pelaburan ekuiti yang dikelaskan sebagai AFS, bukti jelas juga akan melibatkan pengurangan ketara atau berpanjangan nilai saksama pelaburan di bawah kos. Di mana terdapat bukti rosotnilai, kerugian terkumpul yang telah diukur sebagai perbezaan di antara kos pemilikan dan nilai saksama semasa, ditolak sebarang kerugian rosotnilai ke atas pelaburan yang telah diambilkira dalam penyata pendapatan dikeluarkan dari ekuiti dan diambilkira dalam untung rugi.

Pembalikan seterusnya dalam kerugian rosotnilai diambilkira apabila kurangan tersebut boleh dikaitkan kepada perkara yang berlaku selepas kerugian rosotnilai diambilkira, sehingga nilai bawaan sekuriti tersebut tidak melebihi kos yang telah dilunaskan pada tarikh pembalikan. Pembalikan diambilkira dalam untung atau rugi.

3. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(g) Rosotnilai aset (Sambungan)

Aset yang bukan aset kewangan

Pada setiap tarikh membuat laporan, nilai bawaan aset Kumpulan yang bukan aset kewangan akan disemak untuk menentukan sama ada terdapat petanda yang menunjukkan bahawa aset tersebut telah mengalami rosotnilai. Jika terdapat sebarang petanda, nilai boleh pulih aset tersebut akan dianggar.

Nilai boleh pulih aset diperolehi dengan membandingkan nilai tertinggi di antara nilai penggunaan aset dan nilai saksama selepas ditolak kos jualan. Di dalam menentukan nilai penggunaan, anggaran aliran tunai di masa hadapan didiskaunkan ke masa kini dengan menggunakan satu kadar diskaun sebelum kesan cukai yang menggambarkan penilaian kini pasaran tentang nilai masa kini wang serta risiko yang spesifik kepada aset tersebut.

Rosotnilai yang telah diiktiraf di tahun-tahun terdahulu akan disemak semula pada setiap tarikh laporan untuk sebarang petanda yang rosotnilai telah berkurangan atau tiada lagi. Pengurangan rosotnilai akan dibalikkan jika ianya berpunca daripada perubahan di dalam anggaran yang digunapakai untuk menentukan nilai boleh pulih aset. Rosotnilai akan dibalikkan sehingga nilai bawaan aset tidak melebihi nilai bawaan yang akan wujud, setelah ditolak susutnilai dan pelunasan, sekiranya tiada rosotnilai diiktiraf. Sebarang pengurangan di dalam rosotnilai akan diiktiraf di dalam untung atau rugi.

(h) Instrumen ekuiti

Instrumen yang dikelaskan sebagai ekuiti diukur pada kos ke atas pengiktirafan awal dan tidak diukur semula selanjutnya.

(i) *Perbelanjaan terbitan*

Kos yang terlibat secara langsung dalam terbitan instrumen yang dikelaskan sebagai ekuiti diambilkira sebagai tolakan dari ekuiti.

(ii) *Saham biasa*

Saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti.

(iii) *Modal saham keutamaan*

Modal saham keutamaan dikelaskan sebagai ekuiti jika ia tidak boleh ditebus, atau boleh ditebus tetapi hanya atas pilihan Syarikat, dan sebarang dividen adalah di atas budi bicara. Justeru itu dividen akan diambilkira sebagai pengagihan dalam ekuiti.

Modal saham keutamaan dikelaskan sebagai liabiliti kewangan jika ia boleh ditebus pada tarikh tertentu atau atas pilihan pemegang saham keutamaan, atau jika pembayaran dividen adalah hak mutlak. Justeru itu dividen diambilkira sebagai perbelanjaan faedah dalam untung atau rugi.

(i) Pelaburan dalam syarikat subsidiari

Dalam penyata kewangan berasingan Syarikat, pelaburan dalam syarikat subsidiari dinyatakan pada kos ditolak sebarang kerugian rosotnilai terkumpul. Pelaburan tersebut disemak bagi rosotnilai menurut polisi perakaunan Kumpulan untuk rosotnilai aset bukan kewangan.

3. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(j) Pelaburan dalam syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu adalah suatu entiti, termasuk entiti yang tidak diperbadankan, di mana Kumpulan mempunyai pengaruh yang ketara tetapi tanpa kawalan atau kawalan bersama ke atas polisi kewangan dan operasi entiti berkenaan.

Dalam penyata kewangan Syarikat yang berasingan, pelaburan dalam syarikat bersekutu diambilkira pada kos ditolak sebarang kerugian rosotnilai terkumpul.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu diambilkira dalam penyata kewangan disatukan dengan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti (kecuali bagi pelaburan yang dikelaskan sebagai pegangan untuk dijual, di mana kes ini diambilkira menurut MFRS 5, Aset Bukan Semasa Pegangan untuk Dijual dan Operasi yang telah ditamatkan) dan pada permulaannya diiktiraf sebagai kos. Di bawah kaedah perakaunan ekuiti, bahagian Kumpulan dalam untung atau rugi syarikat bersekutu selepas pemilikan diambilkira dalam untung atau rugi dan bahagiannya dalam pergerakan lain-lain pendapatan komprehensif selepas pemilikan diambilkira dalam lain-lain pendapatan komprehensif. Perubahan terkumpul aset bersih syarikat bersekutu selepas pemilikan dilaraskan mengikut nilai bawaan pelaburan tersebut.

Perakaunan ekuiti ditamatkan apabila bahagian Kumpulan dalam kerugian syarikat bersekutu bersamaan atau melebihi kepentingannya dalam syarikat bersekutu melainkan Kumpulan telah terjebak secara perundangan atau tanggungan konstruktif atau membuat bayaran bagi pihak syarikat bersekutu.

Perolehan belum nyata atas urusan niaga di antara Kumpulan dan syarikat bersekutu akan dihapuskira sehingga menjangkau kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu. Kerugian belum nyata akan dihapuskan dalam penyatuan dan aset berkaitan akan ditaksirkan bagi rosotnilai.

Muhibah yang berkaitan dengan syarikat bersekutu adalah termasuk dalam nilai bawaan pelaburan dan tidak dilunaskan. Sebarang lebihan dalam bahagian Kumpulan dari nilai saksama bersih aset, liabiliti dan kontingen liabiliti yang boleh dikenalpasti syarikat bersekutu ke atas kos pelaburan dikecualikan dari nilai bawaan pelaburan dan sebaliknya dimasukkan sebagai pendapatan dalam menentukan bahagian Kumpulan dalam untung atau rugi syarikat bersekutu bagi tempoh di mana pelaburan berkenaan diperolehi.

Dalam penggunaan kaedah perakaunan ekuiti, penyata kewangan diaudit terkini syarikat bersekutu digunakan. Di mana tarikh penyata kewangan diaudit yang digunakan tidak seiring dengan tarikh berkaitan bagi Kumpulan, bahagian keputusan terhasil dari penyata kewangan terakhir yang ada dan telah diaudit, dan jika perlu, pelarasan sewajarnya dibuat bagi memastikan penyata kewangan syarikat bersekutu konsisten dengan polisi perakaunan yang digunakan oleh Kumpulan.

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai pengaruh yang ketara ke atas syarikat bersekutu, ia akan diambilkira sebagai telah melupakan seluruh kepentingan ekuiti dalam syarikat bersekutu, dengan keuntungan atau kerugian yang terhasil diambilkira dalam untung atau rugi. Sebarang kepentingan yang masih ada dalam bekas syarikat bersekutu pada tarikh di mana pengaruh yang ketara telah hilang akan diukur semula pada nilai saksama dan nilai ini akan diambil sebagai nilai bawaan permulaan aset kewangan.

Apabila kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu berkurangan tetapi tidak menyebabkan kehilangan pengaruh yang ketara, sebarang kepentingan yang masih ada tidak akan diukur semula. Sebarang keuntungan atau kerugian yang terhasil dari kurangan kepentingan diambilkira dalam untung atau rugi. Sebarang keuntungan atau kerugian yang sebelumnya diambilkira dalam lain-lain pendapatan komprehensif akan juga dikelaskan secara berperingkat kepada untung atau rugi.

3. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(k) Pengiktirafan hasil

Yuran jaminan

Yuran jaminan diiktiraf menggunakan asas akruan sepanjang tempoh masa jaminan-jaminan yang telah diberikan.

Pendapatan faedah

Bagi semua instrumen kewangan yang diukur pada kos pelunasan dan faedah/unjuran-keuntungan aset kewangan dikelaskan sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi dan sedia untuk dijual, pendapatan faedah diambilkira dengan menggunakan kaedah faedah efektif.

Kaedah faedah efektif adalah kaedah mengira kos pelunasan aset kewangan dan bagi memperuntukkan pendapatan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah efektif adalah kadar yang memberi diskaun dengan tepat ke atas anggaran pembayaran atau penerimaan tunai melalui jangka hayat instrumen kewangan atau, sekiranya sesuai, tempoh yang lebih singkat bagi nilai bawaan bersih aset kewangan. Apabila mengira kadar faedah efektif, Kumpulan mengambilkira kesemua terma termaktub instrumen kewangan dan memasukkan sebarang yuran atau kos peningkatan yang menjurus secara langsung kepada instrumen dan merupakan bahagian yang perlu bagi kadar faedah efektif, tetapi tidak mengambilkira kerugian kredit masa hadapan.

Pendapatan dari urusniaga perbankan Islam diambilkira menurut asas akrual berpandukan prinsip Syariah.

Lain-lain hasil

Hasil diambilkira sehingga ianya berkemungkinan manfaat ekonomi akan mengalir kepada Kumpulan dan Syarikat dan hasil boleh diukur dengan munasabah.

(l) Matawang Asing

Urusniaga dan baki matawang asing

Dalam menyediakan penyata kewangan bagi entiti individu, urusniaga dalam matawang selain dari matawang yang berfungsi bagi entiti direkodkan dalam matawang yang berfungsi menggunakan kadar tukaran yang terpapar pada tarikh urusniaga. Pada akhir setiap tempoh pelaporan, aset dan liabiliti wang ringgit dalam matawang asing ditafsirkan pada kadar tukaran yang terpapar di akhir tempoh pelaporan. Butiran bukan wang ringgit yang diukur berdasarkan kos sejarah dalam matawang asing akan ditafsirkan menggunakan kadar tukaran pada tarikh urusniaga. Butiran bukan wang ringgit yang diukur pada nilai saksama dalam matawang asing ditafsir menggunakan kadar tukaran pada tarikh nilai saksama tersebut ditentukan.

Perbezaan tukaran yang wujud dari pelunasan urusniaga matawang asing dan dari tafsiran aset dan liabiliti wang ringgit dalam matawang asing diambilkira dalam untung atau rugi.

Perbezaan tukaran yang wujud atas tafsiran perkara bukan wang ringgit yang dinilai pada nilai saksama dimasukkan dalam untung dan rugi untuk tempoh kecuali bagi perbezaan yang wujud atas tafsiran perkara bukan wang ringgit merujuk kepada keuntungan atau kerugian diambilkira secara langsung dalam lain-lain pendapatan komprehensif. Perbezaan tukaran yang wujud dari perkara bukan wang ringgit seperti itu diambilkira secara langsung untuk lain-lain pendapatan komprehensif.

(m) Peruntukan untuk Tuntutan di bawah Skim-Skim Jaminan

Peruntukan spesifik untuk tuntutan terhadap pendedahan syarikat di atas jaminan dibuat berdasarkan pemberitahuan oleh institusi kewangan bilamana akaun dikelaskan sebagai “non-performing” dan setelah institusi kewangan mengutarakan tuntutan.

3. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(m) Peruntukan untuk Tuntutan di bawah Skim-Skim Jaminan (Sambungan)

Peruntukan untuk tuntutan dicajkan terus kepada penyata pendapatan komprehensif. Pemindahan lebihan atau defisit kepada rizab yang spesifik akan dibuat daripada keuntungan terkumpul.

(n) Peruntukan bagi Liabiliti-liabiliti

Peruntukan bagi liabiliti-liabiliti diambil kira apabila Kumpulan dan Syarikat mempunyai tanggungan semasa disebabkan peristiwa yang lepas dan ada kemungkinan pengaliran keluar keuntungan diperlukan bagi menunaikan tanggungan dan anggaran kasar jumlahnya boleh dibuat.

Peruntukan akan dikira semula pada setiap tarikh kunci kira-kira dan diselaraskan bagi menunjukkan anggaran yang paling tepat. Apabila kesan nilai masa sebagai berharga itu tinggi, jumlah peruntukan adalah nilai semasa perbelanjaan yang mungkin diperlukan bagi membayar tanggungan.

(o) Kebajikan Pekerja

Kebajikan jangka pendek

Upah, gaji dan bonus adalah dikenalpasti sebagai perbelanjaan dalam tahun tersebut yang mana perkhidmatan tersebut telah diberikan oleh pekerja-pekerja Kumpulan. Pampasan jangka pendek terkumpul bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan berbayar dikenalpasti bila perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja yang mana meningkatkan hak mereka untuk pampasan ketidakhadiran masa hadapan. Pampasan jangka pendek tidak terkumpul bagi ketidakhadiran seperti cuti sakit adalah dikenalpasti bila ketidakhadiran berlaku.

Mengikut undang-undang, Kumpulan dikehendaki mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Caruman ini adalah diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam penyata kewangan apabila ianya berlaku.

(p) Wang Tunai dan Kesamaan Wang Tunai

Wang tunai adalah wang tunai di tangan dan baki dalam bank.

Kesamaan wang tunai adalah aset jangka pendek, mempunyai tahap kecairan yang tinggi yang boleh ditukar kepada wang tunai dalam jumlah yang boleh ditentukan pada bila-bila masa dan mempunyai risiko perubahan nilai yang amat kecil.

(q) Kos Pinjaman

Kos pinjaman yang tidak secara langsung terlibat dalam pemerolehan, pembinaan atau pengeluaran aset yang berkecualan diambil kira dalam untung atau rugi menggunakan kaedah faedah efektif.

Kos pinjaman yang secara langsung terlibat dalam pemerolehan, pembinaan atau pengeluaran aset yang berkecualan, di mana aset tersebut memerlukan jangka masa yang ketara untuk siap bagi kegunaan yang sepatutnya atau untuk dijual, akan dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos aset berkenaan.

Kos pinjaman dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos aset yang berkecualan bermula apabila perbelanjaan aset tersebut dikenakan, kos pinjaman dikenakan dan aktiviti kerja dalam kemajuan yang diperlukan untuk membolehkan aset berkenaan diguna seperti yang sepatutnya atau untuk dijual. Permodalan kos pinjaman digantung atau dihentikan sekiranya semua aktiviti utama yang diperlukan untuk membolehkan aset berkecualan tersebut digunakan seperti yang sepatutnya atau untuk dijual terganggu atau tamat.

Pendapatan pelaburan yang diperolehi atas pelaburan jangka pendek sesuatu pinjaman sebelum perbelanjaan atas aset yang berkecualan dibuat akan ditolak dari kos pinjaman yang boleh dipermodalkan.

4. POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Di dalam kegiatan harian, Kumpulan terdedah kepada empat jenis risiko utama iaitu risiko kredit, risiko pasaran, risiko kecairan dan risiko kendalian.

(a) Risiko Kredit

Risiko kredit adalah potensi kerugian kerana pihak yang berkaitan gagal memenuhi tuntutan kewangan terhadap pemiutangnya. Pendedahan Kumpulan dan Syarikat kepada risiko kredit timbul terutamanya kerana penghutang perdagangan dan penghutang lain serta pinjaman dan pendahuluan.

Kumpulan hanya berurusan dengan pihak ketiga yang dikenali yang mempunyai tahap kredit yang baik. Hanya merupakan polisi Kumpulan yang kesemua pelanggan yang ingin berurusan secara kredit dikenakan prosedur verifikasi kredit. Di dalam masa yang sama, jumlah terhutang dipantau secara berterusan.

Syarikat menguruskan risiko kredit bersabit dengan pinjaman yang telah ditebus dan dijamin dengan menilai peminjam menggunakan suatu model pemarkahan kredit. Syarikat menggunakan model ini untuk mengukur kewibawaan pinjaman melalui ambang yang tersedia ada.

Kumpulan dan Syarikat mengurangkan risiko kredit bagi lain-lain aset kewangan (termasuk pelaburan di dalam sekuriti, dan pelaburan melalui pengurus-pengurus dana), dengan berurusan secara eksklusif dengan pihak yang mempunyai penilaian kredit yang tinggi.

Pendedahan kepada risiko kredit

Pada tarikh laporan, risiko maksima Kumpulan dan Syarikat adalah diwakili oleh nilai bawaan setiap aset kewangan sebagaimana diiktiraf di dalam penyata kedudukan kewangan.

Profil konsentrasi risiko kredit

Kumpulan menentukan konsentrasi risiko kreditnya dengan memantau secara berterusan akan profil penghutang perniagaannya serta pinjaman dan pendahuluannya berdasarkan sektor industri. Profil konsentrasi risiko kredit penghutang perniagaan serta pinjaman dan pendahuluan Kumpulan pada tarikh laporan adalah seperti berikut:

	KUMPULAN			
	2012		2011	
	RM'000	% dari jumlah	RM'000	% dari jumlah
Berdasarkan sektor industri:				
- Pengilangan	73,292	15.60	74,171	16.46
- Pemborong dan peruncit	218,334	46.50	203,198	45.11
- Pembinaan	83,252	17.73	80,340	17.83
- Institusi Kewangan	-	-	184	0.04
- Lain-lain	94,704	20.17	92,652	20.56
	469,582	100	450,545	100
Tolak: Elaun rosotnilai	(114,626)	-	(49,284)	-
	354,956	100	401,261	100

4. POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(a) Risiko Kredit (Sambungan)

Profil konsentrasi risiko kredit (Sambungan)

	KUMPULAN	
	2012 RM'000	2011 RM'000
Pinjaman dan penghutang pada kos dilunaskan:		
Penghutang perniagaan dan lain-lain (Nota 15)	31,290	33,898
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan (Nota 16)	467,931	449,699
Tolak: Penghutang lain	(29,639)	(33,052)
	469,582	450,545
Tolak: Elaun rosotnilai	(114,626)	(49,284)
	354,956	401,261
Yuran belum terima	234	8,736
Jumlah belum dibayar dari Bank Negara Malaysia	6,123	19,946
Jumlah belum dibayar dari Entrepreneur Rehabilitation Fund Sdn. Bhd.	127	457
Penghutang lain	29,639	33,052
Jumlah Pinjaman dan Penghutang	391,079	463,452

(b) Risiko Pasaran

Risiko pasaran terhasil daripada pergerakan yang merugikan di dalam harga pasaran pelaburan.

Pelaburan Kumpulan pada masa kini dipelbagaikan dan termasuk jumlah yang besar di dalam ekuiti tempatan yang disebut harga yang tersedia untuk dijual. Risiko pasaran dikawal dengan adanya kombinasi limit yang selamat, garis panduan pelaburan, laporan-laporan yang diperlukan dan matrik kuasa kelulusan.

(c) Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko yang wujud bilamana Kumpulan menempuh kesulitan dalam menjanakan dana untuk memenuhi tuntutan kewangannya pada kos dan dalam masa yang munasabah. Risiko kecairan ditangani dengan mempelbagaikan tempoh matang pelaburannya berdasarkan jurang kematangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti Kumpulan pada tarikh laporan.

4. POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(c) Risiko Kecairan (Sambungan)

Analisa instrumen kewangan berdasarkan tempoh kontrak yang belum luput

Jadual di bawah meringkaskan profil kematangan liabiliti Kumpulan pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran balik yang dikontrakkan dan yang tidak didiskaunkan.

2012	Atas permintaan atau dalam satu tahun RM'000	Satu hingga lima tahun RM'000	Lebih dari lima tahun RM'000	Jumlah RM'000
Kumpulan				
Liabiliti Kewangan – pada kos dilunaskan:				
Tuntutan-tuntutan pemiutang	164,951	–	–	164,951
Jumlah belum membayar kepada institusi kewangan	14,430	–	–	14,430
Pemiutang-pemiutang lain	120,896	–	–	120,896
Pinjaman dari Bank Negara Malaysia *	–	300,000	500,000	800,000
Dana-dana Kerajaan *	150,000	–	–	150,000
Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil *	11,108	–	–	11,108
Skim Jaminan Usahawan Kecil *	4,000	40,000	27,000	71,000
Tabung Usahawan Kecil *	–	–	50,000	50,000
Skim Kemudahan Permodenan PKS *	700,000	150,000	–	850,000
Saham keutamaan *	–	–	200,000	200,000
Jumlah liabiliti kewangan tanpa diskaun	1,165,385	490,000	777,000	2,432,385
Syarikat				
Liabiliti Kewangan pada kos dilunaskan:				
Tuntutan-tuntutan pemiutang	164,951	–	–	164,951
Jumlah belum membayar kepada institusi kewangan	14,430	–	–	14,430
Pemiutang-pemiutang lain	118,738	–	–	118,738
Pinjaman dari Bank Negara Malaysia *	–	300,000	500,000	800,000
Dana-dana Kerajaan *	150,000	–	–	150,000
Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil *	11,108	–	–	11,108
Skim Jaminan Usahawan Kecil *	4,000	40,000	27,000	71,000
Tabung Usahawan Kecil *	–	–	50,000	50,000
Skim Kemudahan Permodenan PKS *	700,000	150,000	–	850,000
Saham keutamaan *	–	–	200,000	200,000
Jumlah liabiliti kewangan tanpa diskaun	1,163,227	490,000	777,000	2,430,227

* Ini adalah pinjaman kerajaan dan pembiayaan berkaitan.

4. POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(c) Risiko Kecairan (Sambungan)

Analisa instrumen kewangan berdasarkan tempoh kontrak yang belum luput (Sambungan)

Jadual di bawah meringkaskan profil kematangan liabiliti Kumpulan pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran balik yang dikontrakkan dan yang tidak didiskaunkan.

2011	Atas permintaan atau dalam satu tahun RM'000	Satu hingga lima tahun RM'000	Lebih dari lima tahun RM'000	Jumlah RM'000
Kumpulan				
Liabiliti Kewangan:				
Tuntutan-tuntutan pemiutang	153,478	–	–	153,478
Pemiutang-pemiutang lain	110,632	–	–	110,632
Pinjaman dari Bank Negara Malaysia *	–	300,000	500,000	800,000
Dana-dana Kerajaan *	150,000	–	–	150,000
Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil *	12,424	–	–	12,424
Skim Jaminan Usahawan Kecil *	4,000	30,000	41,000	75,000
Tabung Usahawan Kecil *	–	–	50,000	50,000
Skim Kemudahan Permodenan PKS *	–	500,000	350,000	850,000
Saham keutamaan *	–	–	200,000	200,000
Jumlah liabiliti kewangan tanpa diskaun	430,534	830,000	1,141,000	2,401,534
Syarikat				
Liabiliti Kewangan:				
Tuntutan-tuntutan pemiutang	153,478	–	–	153,478
Pemiutang-pemiutang lain	107,584	–	–	107,584
Pinjaman dari Bank Negara Malaysia *	–	300,000	500,000	800,000
Dana-dana Kerajaan *	150,000	–	–	150,000
Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil *	12,424	–	–	12,424
Skim Jaminan Usahawan Kecil *	4,000	30,000	41,000	75,000
Tabung Usahawan Kecil *	–	–	50,000	50,000
Skim Kemudahan Permodenan PKS *	–	500,000	350,000	850,000
Saham keutamaan *	–	–	200,000	200,000
Jumlah liabiliti kewangan tanpa diskaun	427,486	830,000	1,141,000	2,398,486

* Ini adalah pinjaman kerajaan dan pembiayaan berkaitan.

4. POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(d) Risiko Kendalian

Risiko kendalian adalah risiko daripada kerugian langsung atau tidak langsung akibat dari ketidaktepatan atau kegagalan proses dalaman, kakitangan dan sistem, atau faktor luaran. Kumpulan mengurangkan risiko kendaliannya dengan mewujudkan sistem kawalan dalaman dan peraturan yang komprehensif, yang mana disemak secara kerap dan diaudit dari masa ke semasa oleh juruaudit dalaman.

5. ANGGARAN DAN PENILAIAN PERAKAUNAN YANG KRITIKAL

Penyediaan penyata kewangan Kumpulan memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada pemakai polisi perakaunan dan jumlah yang dilaporkan bagi aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Keputusan sebenar mungkin berbeza dari anggaran berkenaan.

Anggaran dan andaian sokongan disemak secara berterusan. Penyemakan ke atas anggaran perakaunan diambilkira dalam tempoh di mana anggaran disemak dan dalam sebarang tempoh masa hadapan yang terlibat.

Penggunaan anggaran dan andaian kritikal yang bermakna kepada penyata kewangan dan perkara yang melibatkan pertimbangan dan kesulitan peringkat tinggi, adalah seperti berikut:

(a) Anggaran Usiaguna Hartanah, Loji dan Peralatan dan Perisian

Kumpulan dan Syarikat menyemak secara tahunan akan usiaguna hartanah, loji dan peralatan dan perisian yang dianggarkan berdasarkan faktor seperti rancangan perniagaan dan strategi, tahap penggunaan yang dijangkakan dan perkembangan teknologi di masa hadapan. Keputusan dari operasi di masa hadapan mungkin dipengaruhi secara material oleh perubahan di dalam anggaran yang dibawa oleh perubahan di dalam faktor-faktor yang disebut. Pengurangan di dalam usiaguna hartanah, loji dan peralatan dan perisian yang dianggarkan akan meningkatkan susutnilai yang direkodkan dan mengurangkan nilai buku hartanah, loji dan peralatan dan perisian.

Jumlah bawaan dan caj susutnilai bagi hartanah, loji dan peralatan dan perisian didedahkan dalam Nota 7 dan Nota 8 masing-masing.

(b) Kerugian Rosotnilai dalam Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan

Kumpulan dan Syarikat menyemak pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang ketara secara individu pada setiap tarikh pelaporan untuk mentaksirkan sama ada kerugian rosotnilai wajar dicatat dalam untung atau rugi. Pertimbangan oleh pihak pengurusan khususnya diperlukan dalam menganggar jumlah dan pemaasan aliran tunai masa hadapan apabila menentukan kerugian rosotnilai. Dalam menganggar aliran tunai tersebut, Kumpulan dan Syarikat membuat pertimbangan tentang kedudukan kewangan peminjam dan pelanggan dan nilai boleh nyata bagi cagaran. Anggaran ini adalah berasaskan andaian tentang bilangan faktor dan keputusan sebenar mungkin berbeza, akibat daripada perubahan masa hadapan elau-elau.

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang telah ditaksir secara individu dan didapati tidak berkemungkinan untuk rosotnilai dan kesemua pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang tidak ketara secara individu selepas itu ditaksir secara berkelompok, dalam kumpulan aset yang mempunyai risiko perlakuan yang serupa, dalam menentukan sama ada peruntukan perlu dibuat kerana mengalami kerugian di mana terdapat bukti jelas tetapi kesannya masih belum terbukti. Pentaksiran berkelompok mengambilkira data dari portfolio pinjaman (seperti kualiti kredit, aras tunggakan, penggunaan kredit, nisbah pinjaman ke atas cagaran, dan lain-lain) dan penumpuan risiko (seperti keupayaan kumpulan individu yang berbeza).

Elaun bagi rosotnilai ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan didedahkan dalam Nota 39.

5. ANGGARAN DAN PENILAIAN PERAKAUNAN YANG KRITIKAL (SAMBUNGAN)**(c) Peruntukan untuk Tuntutan di bawah Skim-Skim Jaminan**

Peruntukan bagi tuntutan oleh institusi kewangan di bawah Skim Jaminan dibuat berdasarkan pemberitahuan tentang pinjaman tidak berbayar dan tuntutan yang diutarakan institusi kewangan dengan menggunakan peratusan ke atas nilai pinjaman tidak berbayar dan tuntutan yang diutarakan berdasarkan pengalaman lalu.

Jumlah yang telah diperuntukkan bagi tahun kewangan semasa didedahkan dalam Nota 39.

(d) Dana Pelaburan

Seperti yang didedahkan dalam Nota 11, Aureos Malaysian Fund ("AMF") adalah medium yang diasaskan hanya untuk mengumpulkan dana dari pelabur-pelabur bagi menjalankan pelaburan dalam saham berbagai syarikat. Pelabur tidak mempunyai kuasa untuk menyertai atau mempengaruhi dari segi keputusan kewangan dan pelaburan di dalam AMF dan kuasa berkenaan dimiliki oleh Pengurus.

Oleh kerana tiada pengaruh ketara, Syarikat tidak mengambilkira pelaburan berkenaan sebagai syarikat bersekutu di bawah MFRS128, tetapi diambilkira sebagai pelaburan sedia-untuk-dijual di bawah MFRS139.

(e) Produk Berstruktur

Seperti pendedahan dalam Nota 43 (a), Produk Berstruktur telah diukur pada nilai saksama dengan kaedah penilaian mempergunakan input yang tidak boleh dipantau. Input yang digunakan tidak berasaskan data pasaran yang boleh dipantau dan data yang tidak boleh dipantau tersebut mempunyai kesan yang ketara ke atas penilaian instrumen berkenaan.

Perubahan dalam input tersebut mungkin menyebabkan kesan yang ketara ke atas nilai saksama yang telah diperolehi.

6. MATAWANG FUNGSIAN DAN PENYATAAN

Penyata kewangan individu bagi setiap entiti dalam Kumpulan adalah diukur berdasarkan kadar matawang ekonomi setempat di mana entiti itu beroperasi ("Matawang Fungsian"). Penyata kewangan yang telah disatukan ini dinyatakan di dalam Ringgit Malaysia, yang juga matawang fungsian Syarikat.

7. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Kumpulan	Bangunan RM'000	Tanah Pegangan Pajak Jangka Panjang RM'000	Kenderaan Bermotor RM'000	Peralatan Pejabat RM'000	Perabot dan Kelengkapan RM'000	Peralatan Komputer RM'000	Kerja dalam Kemajuan RM'000	Jumlah RM'000
2012								
Kos:								
Pada 1 Januari	39,081	5,010	547	2,109	13,018	23,892	4,570	88,227
Tambahan	-	-	-	206	90	67	1,570	1,933
Pindahan	-	-	-	-	-	-	(6,140)	(6,140)
Penjualan	-	-	-	(289)	(1,664)	-	-	(1,953)
Pada 31 Disember	39,081	5,010	547	2,026	11,444	23,959	-	82,067
Susutnilai terkumpul:								
Pada 1 Januari	23,448	2,179	142	1,553	10,435	17,675	-	55,432
Caj tahun semasa	1,563	35	109	228	975	3,695	-	6,605
Penghapusan atas penjualan	-	-	-	(289)	(1,581)	-	-	(1,870)
Pada 31 Disember	25,011	2,214	251	1,492	9,829	21,370	-	60,167
2011								
Kos:								
Pada 1 Januari	39,081	5,010	845	2,030	13,090	22,791	2,031	84,878
Tambahan	-	-	404	159	52	74	5,983	6,672
Pindahan	-	-	-	-	-	1,029	(3,444)	(2,415)
Penjualan	-	-	(702)	(29)	-	-	-	(731)
Pelupusan	-	-	-	(51)	(124)	(2)	-	(177)
Pada 31 Disember	39,081	5,010	547	2,109	13,018	23,892	4,570	88,227
Susutnilai terkumpul:								
Pada 1 Januari	21,885	2,144	728	1,434	9,453	14,076	-	49,720
Caj tahun semasa	1,563	35	116	197	1,106	3,600	-	6,617
Penghapusan atas penjualan	-	-	(702)	(28)	-	-	-	(730)
Penghapusan atas pelupusan	-	-	-	(50)	(124)	(1)	-	(175)
Pada 31 Disember	23,448	2,179	142	1,553	10,435	17,675	-	55,432
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2012	14,070	2,796	296	534	1,615	2,589	-	21,900
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2011	15,633	2,831	405	556	2,583	6,217	4,570	32,795
Nilai buku bersih pada 1 Januari 2011	17,196	2,866	117	596	3,637	8,715	2,031	35,158

7. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

Syarikat	Bangunan RM'000	Tanah Pegangan Pajak Jangka Panjang RM'000	Kenderaan Bermotor RM'000	Peralatan Pejabat RM'000	Perabot dan Kelengkapan RM'000	Peralatan Komputer RM'000	Kerja dalam Kemajuan RM'000	Jumlah RM'000
2012								
Kos:								
Pada 1 Januari	39,081	5,010	546	2,038	12,564	22,485	4,570	86,294
Tambahan	-	-	-	200	48	29	1,570	1,847
Pindahan	-	-	-	-	-	-	(6,140)	(6,140)
Penjualan	-	-	-	(289)	(1,664)	-	-	(1,953)
Pada 31 Disember	39,081	5,010	546	1,949	10,948	22,514	-	80,048
Susutnilai terkumpul:								
Pada 1 Januari	23,448	2,179	142	1,512	10,145	16,759	-	54,185
Caj tahun semasa	1,563	35	109	213	880	3,409	-	6,209
Penghapusan atas penjualan	-	-	-	(289)	(1,581)	-	-	(1,870)
Pada 31 Disember	25,011	2,214	251	1,436	9,444	20,168	-	58,524
2011								
Kos:								
Pada 1 Januari	39,081	5,010	845	1,959	12,639	21,392	2,031	82,957
Tambahan	-	-	403	159	49	60	5,987	6,658
Pindahan	-	-	-	-	-	1,033	(3,448)	(2,415)
Penjualan	-	-	(702)	(29)	-	-	-	(731)
Pelupusan	-	-	-	(51)	(124)	-	-	(175)
Pada 31 Disember	39,081	5,010	546	2,038	12,564	22,485	4,570	86,294
Susutnilai terkumpul:								
Pada 1 Januari	21,885	2,144	728	1,407	9,252	13,438	-	48,854
Caj tahun semasa	1,563	35	116	183	1,017	3,321	-	6,235
Penghapusan atas penjualan	-	-	-	(50)	(124)	-	-	(174)
Penghapusan atas pelupusan	-	-	(702)	(28)	-	-	-	(730)
Pada 31 Disember	23,448	2,179	142	1,512	10,145	16,759	-	54,185
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2012	14,070	2,796	295	513	1,504	2,346	-	21,524
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2011	15,633	2,831	404	526	2,419	5,726	4,570	32,109
Nilai buku bersih pada 1 Januari 2011	17,196	2,866	117	552	3,387	7,954	2,031	34,103

Caj susutnilai berjumlah RM242,688 (2011: RM242,688) telah dimasukkan di bawah kos perkhidmatan yang disediakan seperti yang didedahkan dalam Nota 37.

Geran kepada tanah pegangan pajakan masih belum diterima dari Pejabat Tanah.

8. ASET-ASET TIDAK KETARA

Kumpulan	Perisian dan kos lain RM'000	Belanja Pembangunan RM'000	Jumlah RM'000
2012			
Kos:			
Pada 1 Januari	33,370	1,135	34,505
Tambahan	1,085	1,325	2,410
Pindahan dari Kerja dalam Kemajuan (Nota 7)	2,743	3,397	6,140
Pada 31 Disember	37,198	5,857	43,055
Pelunasan terkumpul:			
Pada 1 Januari	22,469	–	22,469
Caj pelunasan bagi tahun	4,822	–	4,822
Pada 31 Disember	27,291	–	27,291
2011			
Kos:			
Pada 1 Januari	29,990	–	29,990
Tambahan	965	1,135	2,100
Pindahan dari Kerja dalam Kemajuan (Nota 7)	2,415	–	2,415
Pada 31 Disember	33,370	1,135	34,505
Pelunasan terkumpul:			
Pada 1 Januari	18,547	–	18,547
Caj pelunasan bagi tahun	3,922	–	3,922
Pada 31 Disember	22,469	–	22,469
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2012	9,907	5,857	15,764
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2011	10,901	1,135	12,036
Nilai buku bersih pada 1 Januari 2011	11,443	–	11,443

8. ASET-ASET TIDAK KETARA (SAMBUNGAN)

Syarikat	Perisian dan kos lain RM'000	Belanja Pembangunan RM'000	Jumlah RM'000
2012			
Kos:			
Pada 1 Januari	23,610	–	23,610
Tambahan	2,743	–	2,743
Pindahan dari Kerja dalam Kemajuan (Nota 7)	–	3,397	3,397
Pada 31 Disember	26,353	3,397	29,750
Pelunasan terkumpul:			
Pada 1 Januari	17,200	–	17,200
Caj pelunasan bagi tahun	2,766	–	2,766
Pada 31 Disember	19,966	–	19,966
2011			
Kos:			
Pada 1 Januari	21,166	–	21,166
Tambahan	29	–	29
Pindahan dari Kerja dalam Kemajuan (Nota 7)	2,415	–	2,415
Pada 31 Disember	23,610	–	23,610
Pelunasan terkumpul:			
Pada 1 Januari	15,148	–	15,148
Caj pelunasan bagi tahun	2,052	–	2,052
Pada 31 Disember	17,200	–	17,200
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2012	6,387	3,397	9,784
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2011	6,410	–	6,410
Nilai buku bersih pada 1 Januari 2011	6,018	(3,397)	6,018

Caj pelunasan bagi tahun ini yang berjumlah RM2,057,390 (2011: RM1,867,783) telah dimasukkan di bawah kos perkhidmatan disediakan seperti yang didedahkan dalam Nota 37.

Perisian dan kos lain mengandungi kos perolehan data, aplikasi perisian dan kos laman web yang telah digunakan.

Belanja pembangunan adalah perbelanjaan yang terlibat dalam “Consumer Bureau Operating System” bagi syarikat subsidiari dan masih dalam pembangunan pada akhir tahun kewangan semasa.

9. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI

	SYARIKAT		
	31.12.2012 RM'000	31.12.2011 RM'000	1.1.2011 RM'000
Saham-saham tidak tersiar harga, pada kos	9,900	9,900	9,900

Butiran terperinci syarikat subsidiari yang ditubuhkan di Malaysia adalah seperti berikut:-

Nama Syarikat	Aktiviti Utama	Pegangan Ekuiti		
		31.12.2012	31.12.2011	1.1.2011
Credit Bureau Malaysia Sdn Bhd (CBMSB)	Penghasilan dan penyediaan perkhidmatan rujukan kredit, penilaian kredit dan perkhidmatan berkaitan dengan biro kredit	55%	55%	55%

10. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

	KUMPULAN			SYARIKAT		
	31.12.2012 RM'000	31.12.2011 RM'000	01.01.2011 RM'000	31.12.2012 RM'000	31.12.2011 RM'000	01.01.2011 RM'000
Saham-saham tidak tersiar harga, pada kos	500,200	500,200	500,200	500,200	500,200	500,200
Bahagian keuntungan selepas pemilikan	64,425	26,456	10,084	-	-	-
	564,625	526,656	510,284	500,200	500,200	500,200

Butiran terperinci syarikat bersekutu yang ditubuhkan di Malaysia adalah seperti berikut:-

Nama Syarikat	Aktiviti Utama	Pegangan Ekuiti		
		31.12.2012	31.12.2011	1.1.2011
Aureos CGC Advisers Sdn. Bhd.*	Perkhidmatan khidmat nasihat	40%	40%	40%
Danajamin Nasional Berhad*	Menyediakan insuran jaminan kewangan	50%	50%	50%

* Tidak diaudit oleh Salleh, Leong, Azlan dan Co.

10. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU (SAMBUNGAN)

Ringkasan maklumat kewangan syarikat-syarikat bersekutu tidak diselaraskan mengikut peratusan pemilikan Kumpulan adalah seperti berikut:

	31.12.2012	Danajamin 31.12.2011	1.1.2011	31.12.2012	Aureos 31.12.2011	1.1.2011
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Aset-aset dan liabiliti-liabiliti (100%)						
Aset-aset semasa	1,639,723	1,394,447	1,034,254	901	722	581
Aset-aset bukan semasa	2,244	3,452	3,549	18	23	99
Jumlah aset-aset	1,641,967	1,397,899	1,037,803	919	745	680
Liabiliti-liabiliti semasa	502,391	333,416	17,224	218	75	47
Liabiliti-liabiliti bukan semasa	–	–	–	–	13	13
Jumlah liabiliti-liabiliti	502,391	333,416	17,224	218	88	60
Hasil Urusan (100%)						
Pendapatan	102,862	65,988	29,768	1,669	1,385	1,700
Untung selepas cukai	75,861	43,637	10,624	45	37	38
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	75,091	32,714	11,327	45	37	38

11. DANA PELABURAN – SEDIA-UNTUK-DIJUAL

Dalam 2007, Syarikat telah menandatangani Perjanjian Pemegang Saham dengan Aureos Malaysia Fund LLC (“AMF”), Aureos South-East Asia Ltd (Pengurus) dan lain-lain (Pelabur-pelabur). Perjanjian tersebut memperuntukkan setiap Pelabur, termasuk Syarikat akan melanggan sejumlah Saham-saham Biasa Klas A dalam AMF dan membayar Sumbangan Modal pada jumlah yang ditentukan yang mungkin akan dipanggil secara agregat yang mana telah dipersetujui di dalam perjanjian tersebut.

Syarikat mempunyai komitmen untuk melanggan sebanyak 10,000,000 Saham Biasa Klas A pada harga USD1 sesaham. Pada 31 Disember 2012, Syarikat telah melanggan dan membayar sejumlah USD7,987,238 (2011: USD7,969,491) Saham Biasa Klas A pada harga USD1 sesaham yang bersamaan RM24,268,502 (2011: RM25,897,634).

Dana pelaburan akan digunakan untuk membiayai pelaburan-pelaburan di Malaysia (tidak lebih daripada 70%) dan negara-negara ASEAN (sehingga 30%).

Syarikat memegang 40% (2011: 40%) kepentingan dalam Saham Biasa Klas A berharga USD 1 setiap satu dalam AMF.

Syarikat tidak mempunyai kuasa untuk terlibat dalam atau mempengaruhi keputusan kewangan dan pelaburan AMF justeru kuasa dimiliki dalam Pengurus. Pelaburan dengan itu tidak dikelaskan sebagai syarikat bersekutu kerana tiada pengaruh yang ketara tetapi diambilkira sebagai pelaburan sedia-untuk-dijual.

Penebusan berjumlah USD348,804 (RM1,064,098) adalah daripada pengagihan yang dibayar daripada dana tersebut. Pengagihan berkenaan adalah penebusan Saham Biasa A.

11. DANA PELABURAN – SEDIA-UNTUK-DIJUAL (SAMBUNGAN)

Perubahan dalam dana pelaburan:

	KUMPULAN/SYARIKAT	
	31.12.2012 RM'000	31.12.2011 RM'000
Kos:		
Pada 1 Januari	24,205	6,414
Dilanggan dan dibayar dalam tahun kewangan	360	15,165
Tolak – Penebusan	(1,064)	–
	<hr/>	<hr/>
Pada 31 Disember	23,501	21,579
Rizab nilai saksama	855	2,626
	<hr/>	<hr/>
Nilai saksama pada 31 Disember	24,356	24,205

12. PRODUK BERSTRUKTUR: DINILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI

Pada nilai saksama:

	KUMPULAN/SYARIKAT		
	31.12.2012 RM'000	31.12.2011 RM'000	1.1.2011 RM'000
Kos	650,000	650,000	350,000
Pelarasan nilai saksama	(22,315)	(28,483)	(9,463)
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	627,685	621,517	340,537

Pelarasan nilai saksama:

	KUMPULAN/SYARIKAT	
	31.12.2012 RM'000	31.12.2011 RM'000
Pada 1 Januari	(28,483)	(9,463)
Keuntungan/kerugian nilai saksama	6,168	(19,020)
	<hr/>	<hr/>
Pada 31 Disember	(22,315)	(28,483)
	<hr/>	<hr/>
Pada 1 Januari 2011		
– Seperti dilaporkan dahulu		–
– Kesan adaptasi MFRS		(9,463)
	<hr/>	<hr/>
Pada 1 Januari 2011, seperti catatan semula		(9,463)

Produk berstruktur merangkumi pelaburan berasaskan kredit dengan beberapa institusi kewangan.

13. JUMLAH BELUM BERBAYAR DARI/(KEPADA) SUBSIDIARI

	SYARIKAT		
	31.12.2012 RM'000	31.12.2011 RM'000	1.1.2011 RM'000
Jumlah Belum Berbayar kepada subsidiari	2,095	896	–
Jumlah Belum Berbayar daripada subsidiari	–	(740)	(751)

Pada 1 Mei 2011, Syarikat telah memeterai perjanjian dengan syarikat subsidiari untuk memberi pinjaman sebanyak RM5,000,000. Tujuan pinjaman ini adalah untuk membiayai pembangunan “Consumer Bureau Operating System” bagi membolehkan Syarikat subsidiari menambah keupayaannya dalam memberi perkhidmatan biro kredit konsumen kepada pasaran kredit.

Tempoh pinjaman ialah 3 tahun dari tarikh pengeluaran dan pembayaran faedah akan dibuat secara tunggakan pada setiap tarikh 6 bulan ulang tahun bagi tarikh pengeluaran berkaitan. Pembayaran balik pokok harus dibuat pada ulang tahun yang ketiga bagi pengeluaran berkaitan. Faedah dikenakan ke atas baki tertunggak seperti berikut:

- (i) Bagi pinjaman permulaan RM4,000,000, 5% faedah akan dikenakan setahun;
- (ii) Bagi baki pinjaman RM1,000,000, 7% faedah akan dikenakan setahun.

Pada 31 Disember 2012, jumlah pengeluaran oleh Syarikat subsidiari adalah RM1.8 juta (2011: RM1.3 juta).

Struktur tempoh matang pinjaman adalah seperti berikut:

	KUMPULAN/SYARIKAT		
	31.12.2012 RM'000	31.12.2011 RM'000	1.1.2011 RM'000
Matang:-			
– tidak lebih setahun	830	2	–
– lebih setahun dan tidak lebih 2 tahun	–	–	–
– lebih dua tahun	1,265	894	–
	2,095	896	–

Jumlah belum membayar kepada subsidiari adalah tidak bercagar dan perlu dibayar apabila diminta. Tiada faedah atas baki tertunggak (2011: Nil).

14. JUMLAH BELUM BERBAYAR DARI BANK NEGARA MALAYSIA

Jumlah belum membayar dari Bank Negara Malaysia (BNM) terdiri daripada:

- (a) Pembayaran balik tuntutan yang telah dibayar oleh Syarikat bagi skim Kemudahan Jaminan Khas (KJK) dan skim Kemudahan Jaminan Khas 2 (KJK-2), di mana akan dibayar balik oleh BNM; dan
- (b) Yuran pengurusan belum membayar oleh BNM untuk perkhidmatan yang diberikan oleh Syarikat dalam mentadbir Skim Jaminan Bantuan PKS (PKS SJB).

Jumlah belum membayar dari BNM adalah tidak bercagar, tidak dikenakan faedah dan tidak mempunyai tempoh 21 hari pembayaran balik.

15. PENGHUTANG PERNIAGAAN DAN LAIN-LAIN

	KUMPULAN			SYARIKAT		
	31.12.2012 RM'000	31.12.2011 RM'000	01.01.2011 RM'000	31.12.2012 RM'000	31.12.2011 RM'000	01.01.2011 RM'000
Penghutang perniagaan	1,651	846	328	-	-	-
Lain-lain penghutang						
Lain-lain penghutang, cengkeram dan prabayar	1,952	8,246	2,485	1,739	8,059	2,277
Pinjaman pekerja	1,853	1,525	1,827	1,853	1,525	1,827
Faedah belum terima	25,834	23,281	14,872	25,834	23,281	14,872
	29,639	33,052	19,184	29,426	32,865	18,976
Jumlah penghutang perniagaan dan lain-lain	31,290	33,898	19,512	29,426	32,865	18,976

Penghutang perniagaan tidak dikenakan faedah dan kebanyakannya mengikut terma 30 hari (2011: 30 hari). Mereka dinilai pada jumlah asal invois mereka yang mewakili nilai saksama atas pengiktirafan awal.

Analisa usia penghutang perniagaan Kumpulan adalah seperti berikut:

	KUMPULAN		
	31.12.2012 RM'000	31.12.2011 RM'000	01.01.2011 RM'000
Tidak tertunggak mahupun rosotnilai	703	191	127
1 hingga 30 hari tertunggak tidak rosotnilai	65	233	143
31 hingga 60 hari tertunggak tidak rosotnilai	284	70	12
61 hingga 150 hari tertunggak tidak rosotnilai	297	91	15
Melebihi 151 hari tertunggak tidak rosotnilai	302	261	31
	948	655	201
Rosotnilai	-	-	-
	1,651	846	328

Penghutang perniagaan dan lain-lain yang ditentukan secara individu akan dirosotnilai merangkumi pelanggan-pelanggan yang telah gagal dalam pembayaran mereka dan dianggap menghadapi masalah kewangan dalam membayar balik pinjaman mereka. Tiada rosotnilai bagi penghutang perniagaan dan lain-lain pada tarikh laporan masing-masing.

Penghutang perniagaan dan lain-lain adalah termasuk yang tertunggak tetapi tidak rosotnilai dianggap sebagai memiliki kemampuan kredit dan boleh menyelesaikan hutang mereka.

Kumpulan tidak memegang sebarang cagaran sebagai sekuriti bagi penghutang perniagaan pada akhir tempoh laporan.

Dalam tahun kewangan, Kumpulan tidak merunding semula sebarang terma penghutang perniagaan.

16. PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN

	KUMPULAN/SYARIKAT	
	31.12.2012 RM'000	31.12.2011 RM'000
Pada 1 Januari	449,699	232,682
Tambah: Penebusan pinjaman-pinjaman Dipinjamkan dalam tahun	103,157	248,669
Tolak: Bayaran balik diterima	(157,047)	(101,412)
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kasar	467,931	449,699
Tolak: Elaun rosotnilai pinjaman dan pembiayaan	(114,626)	(49,284)
Nilai bawaan bersih pada 31 Disember	353,305	400,415
Nilai bawaan bersih pada 1 Januari 2011		209,029

Baki tersebut merangkumi yang berikut:

- Jumlah yang telah dikeluarkan di bawah Skim-skim Pinjaman Khas CGC seperti yang dirujuk di dalam Nota 21(a) kepada penyata kewangan ini, serta Tabung Usahawan Kecil (TUK), Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (TIKS 2) dan Tabung Usahawan Baru 2 (TUB 2).
- Baki tertunggak Tabung Pemulihan Usahawan (TPU), Tabung Projek Usahawan Bumiputera (TPUB) dan Tabung Pemulihan dan Pembangunan Usahawan (TPPU) yang telah diambilalih daripada ERF Sdn. Bhd. dan institusi kewangan bermula dari tahun kewangan 2010.
- Baki belum berbayar bagi akaun-akaun terpilih di bawah Skim Jaminan Laluan Terus (SJLT), SJLT (Disemak), yang telah ditebus oleh Syarikat bermula daripada tahun kewangan 2009.
- Baki tertunggak Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i (TPUB-i) yang mana ditakbir menurut prinsip Syariah.

Pinjaman dan pendahuluan kasar dianalisa mengikut sektor adalah seperti berikut:

	KUMPULAN/SYARIKAT		
	31.12.2012 RM'000	31.12.2011 RM'000	1.1.2011 RM'000
- Pengilangan	73,292	74,171	93,702
- Perniagaan borong dan runcit	218,334	203,198	49,147
- Pembinaan	83,252	80,340	49,859
- Lain-lain	93,053	91,990	39,974
	467,931	449,699	232,682

16. PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN (SAMBUNGAN)

Struktur tempoh matang pinjaman dan pendahuluan kasar berdasarkan tempoh matang kontrak yang belum luput:

	KUMPULAN/SYARIKAT		
	31.12.2012 RM'000	31.12.2011 RM'000	1.1.2011 RM'000
Matang dalam tempoh satu tahun	26,903	40,597	28,221
Satu tahun hingga tiga tahun	21,531	12,332	14,612
Tiga tahun hingga lima tahun	5,787	13,354	14,983
Selepas lima tahun	413,710	383,416	174,866
	467,931	449,699	232,682

Analisa usia pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan Kumpulan dan Syarikat adalah seperti berikut:

Kumpulan/Syarikat	31.12.2012 RM'000	31.12.2011 RM'000	1.1.2011 RM'000
Tidak tertunggak mahupun rosotnilai	291,086	288,366	170,292
Tertunggak tetapi tidak rosotnilai	68,557	72,718	46,581
Rosotnilai	108,288	88,615	15,809
	467,931	449,699	232,682

Tertunggak tetapi tidak rosotnilai

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan tertunggak tetapi tidak rosotnilai adalah pinjaman/pembiayaan di mana pelanggan telah gagal untuk membuat bayaran prinsipal atau faedah/keuntungan berdasarkan kontrak dan termasuk pinjaman/pembiayaan yang telah tertunggak satu hari atau lebih mengikut kontrak tetapi kurang dari tiga bulan.

	1 hari ke < 1 bulan RM'000	1 bulan ke < 2 bulan RM'000	2 bulan ke < 3 bulan RM'000	Jumlah RM'000
31 Disember 2012				
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	352	35,025	33,180	68,557
31 Disember 2011				
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	-	47,308	25,410	72,718
1 Januari 2011				
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	-	16,837	29,744	46,581

16. PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN (SAMBUNGAN)

Elaun rosotnilai:	KUMPULAN/SYARIKAT	
	31.12.2012 RM'000	31.12.2011 RM'000
Pada 1 Januari	49,284	23,653
Elaun dalam tahun	96,820	48,611
Jumlah dikreditkan hasil dari kutipan	(31,478)	(22,980)
Pada 31 Disember	114,626	49,284
<i>Rosotnilai individu</i>	90,000	43,748
<i>Rosotnilai kolektif</i>	24,626	5,536
	114,626	49,284
Pada 1 Januari 2011		
<i>Rosotnilai individu</i>		20,663
<i>Rosotnilai kolektif</i>		2,990
		23,653

17. PELABURAN SEKURITI: SEDIA-UNTUK-DIJUAL

Pelaburan sedia-untuk-dijual	KUMPULAN/SYARIKAT		
	31.12.2012 RM'000	31.12.2011 RM'000	1.1.2011 RM'000
<i>- Pada nilai saksama:</i>			
Disebutharga:			
Bon Cagamas	76,205	121,676	121,574
Lain-lain Bon	365,862	429,095	451,775
Jumlah pelaburan sekuriti pada nilai pasaran	442,067	550,771	573,349

Di dalam tahun 2010, Syarikat telah menjual lebih daripada sebahagian kecil pelaburannya yang dipegang sehingga matang sebelum tarikh-tarikh matang yang berkenaan. Semua pelaburan yang dipegang sehingga matang telah dikelaskan semula sebagai pelaburan tersedia untuk dijual dan Syarikat tidak dibenarkan untuk mengelaskan sebarang pelaburan sebagai pegangan sehingga matang bagi dua tempoh perakaunan sama ada untuk Syarikat atau Kumpulan.

18. PELABURAN MELALUI PENGURUS-PENGURUS DANA: NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI

	KUMPULAN/SYARIKAT		
	31.12.2012 RM'000	31.12.2011 RM'000	1.1.2011 RM'000
Pada nilai saksama:-			
Pelaburan melalui pengurus-pengurus dana:			
– Ekuiti	–	210,685	207,021
– Pendapatan tetap	971,162	749,384	705,313
	971,162	960,069	912,334

19. SIMPANAN TETAP

	KUMPULAN/SYARIKAT		
	31.12.2012 RM'000	31.12.2011 RM'000	1.1.2011 RM'000
Simpanan tetap dengan:			
– bank-bank berlesen	1,230,235	1,182,803	1,717,883
– institusi-institusi kewangan yang lain	745,912	573,624	1,143,551
	1,976,147	1,756,427	2,861,434
Faedah akan diterima dari:			
– bank-bank berlesen	7,338	5,130	17,428
– institusi-institusi kewangan yang lain	4,450	6,971	–
	11,788	12,101	17,428
	1,987,935	1,768,528	2,878,862

20. MODAL SAHAM

	KUMPULAN/SYARIKAT		
	31.12.2012 RM'000	31.12.2011 RM'000	1.1.2011 RM'000
DIBENARKAN:			
Saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu:-			
Pada 31 Disember	2,500,000	2,500,000	2,500,000
Saham biasa yang dibenarkan terdiri dari:			
Klas A	1,500,000	1,500,000	1,500,000
Klas B	750,000	750,000	750,000
Klas C	250,000	250,000	250,000
Jumlah saham biasa yang dibenarkan	2,500,000	2,500,000	2,500,000

20. MODAL SAHAM (SAMBUNGAN)

Saham Klas A terdiri dari saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu yang didaftarkan kepada BNM. Saham Klas B mengandungi semua saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu yang didaftarkan kepada pemegang-pemegang saham yang menjalankan perniagaan perbankan. Saham-saham yang tidak diklasifikasikan sebagai saham Klas A atau saham Klas B adalah saham Klas C. Semua klas saham biasa mempunyai hak yang samarata antara satu sama lain.

	SYARIKAT	
	31.12.2012 RM'000	31.12.2011 RM'000
DITERBITKAN DAN DIBAYAR PENUH:		
Saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu:-		
Pada 1 Januari	1,585,600	1,435,600
Saham diterbitkan dalam tahun semasa	-	150,000
Pada 31 Disember	1,585,600	1,585,600

Pada 18 Mac 2011, Syarikat telah menerbitkan 150,000,000 saham biasa klas A yang berharga RM1 setiap satu sebagai pelunasan penuh pinjaman dari BNM sebanyak RM150,000,000 di bawah skim Tabung Usahawan Kecil (Nota 27).

Modal saham biasa yang diterbitkan dan dibayar sepenuhnya terdiri dari:

	KUMPULAN/SYARIKAT		
	31.12.2012 RM'000	31.12.2011 RM'000	1.1.2011 RM'000
Kelas A	1,247,096	1,247,096	1,097,096
Kelas B	336,746	336,746	336,746
Kelas C	1,758	1,758	1,758
Jumlah modal saham biasa	1,585,600	1,585,600	1,435,600

21. RIZAB-RIZAB

	KUMPULAN			SYARIKAT		
	31.12.2012 RM'000	31.12.2011 RM'000	01.01.2011 RM'000	31.12.2012 RM'000	31.12.2011 RM'000	01.01.2011 RM'000
Rizab Program Khas	213,092	206,839	208,650	213,092	206,839	208,650
Rizab SPI	14,584	19,337	19,879	14,584	19,337	19,879
Rizab Khas	300,261	277,656	247,411	300,261	277,656	247,411
Untung Berkumpul	527,937	503,832	475,940	527,937	503,832	475,940
	467,566	292,723	243,382	410,587	273,898	239,900
	995,503	796,555	719,322	938,524	777,730	715,840

21. RIZAB-RIZAB (SAMBUNGAN)

(a) Rizab Program Khas:-

	KUMPULAN/SYARIKAT	
	31.12.2012	31.12.2011
	RM'000	RM'000
Pada 1 Januari	206,839	208,650
Dibayar dalam tahun semasa	-	(3,648)
Dipindahkan dari untung terkumpul	6,253	1,837
	<hr/>	<hr/>
Pada 31 Disember	213,092	208,839

Rizab Program Khas diwujudkan untuk menampung kerugian yang mungkin dialami dari pinjaman-pinjaman yang diluluskan di bawah TUK, TPUK, AIM, Skim Dana Pembiayaan Francais (SPF), Tabung Ekonomi Belia (TEB) dan PROSPER dan bukan untuk dibahagikan sebagai dividen tunai seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah. Ini termasuk tabung jaminan sebanyak RM40,000,000 yang disediakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) dalam tahun 1997 bagi menyerap kerugian yang mungkin dialami di atas pinjaman yang diberikan di bawah TPUK (Nota 30).

(b) Rizab SPI:-

	KUMPULAN/SYARIKAT	
	31.12.2012	31.12.2011
	RM'000	RM'000
Pada 1 Januari	19,337	19,879
Pindahan kepada untung terkumpul	(4,753)	(542)
	<hr/>	<hr/>
Pada 31 Disember	14,584	19,337

Rizab Skim Perbankan Islam (SPI) diwujudkan untuk memenuhi tuntutan luarjangka bagi skim SPI di bawah jaminan secara Islam dan bukan untuk dibahagikan sebagai dividen tunai seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah.

(c) Rizab Khas:-

	KUMPULAN/SYARIKAT	
	31.12.2012	31.12.2011
	RM'000	RM'000
Pada 1 Januari	277,656	247,411
Pindahan dari untung terkumpul	22,605	30,245
	<hr/>	<hr/>
Pada 31 Disember	300,261	277,656

Rizab Khas ini diwujudkan untuk memenuhi tuntutan luarjangka di atas pinjaman-pinjaman yang dijamin oleh Syarikat di bawah skim-skim yang lain dan bukan untuk dibahagikan sebagai dividen tunai seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah. Rizab Khas juga boleh digunakan bagi membayar tuntutan luarjangka bagi skim-skim lain jika diperlukan.

22. RIZAB NILAI SAKSAMA

	KUMPULAN/SYARIKAT	
	31.12.2012 RM'000	31.12.2011 RM'000
Pada 1 Januari	8,604	6,893
Perubahan dalam nilai saksama bagi aset kewangan sedia-untuk-dijual ("AFS")	(7,129)	3,165
Pelarasan pengelasan semula bagi keuntungan atas penjualan aset kewangan AFS termasuk dalam untung atau rugi	(1,511)	(1,454)
Pada 31 Disember	(36)	8,604

23. SAHAM KEUTAMAAN

	KUMPULAN/SYARIKAT		
	31.12.2012 RM'000	31.12.2011 RM'000	1.1.2011 RM'000
DIBENARKAN:			
Saham keutamaan pada RM1 setiap satu:-			
Pada 31 Disember	500,000	500,000	500,000
DITERBITKAN DAN DIBAYAR PENUH:			
200,000,000 sepuluh-tahun 1%, saham keutamaan tidak-terkumpul bolehtebus pada RM1 setiap satu:-			
Pada 31 Disember	200,000	200,000	200,000

Saham keutamaan telah diterbitkan dalam 2008 kepada BNM dengan tempoh matang selama 10 tahun dari 10 September 2008 hingga 10 September 2018 untuk menebus saham keutamaan yang sedia ada berjumlah RM200 juta dipegang oleh BNM.

Saham keutamaan yang diterbitkan menganugerahkan pemegangnya hak untuk dividen keutamaan tidak-terkumpul pada 1% (ditolak cukai) atas modal, justeru akan dibayar dalam jangkamasa dan atas terma bila mana Lembaga Pengarah dengan hak mutlaknya berpendapat sesuai untuk mengumumkan, membuat atau membayar dalam sebarang tahun kewangan tetapi tidak menganugerahkan hak untuk sebarang penglibatan lanjut dalam keuntungan. Belum ada dividen diumumkan sejak saham diterbitkan. Penebusan saham keutamaan adalah atas pilihan BNM.

Saham keutamaan telah diklasikan sebagai liabiliti kewangan berasas terma di atas.

24. PINJAMAN DARI BANK NEGARA MALAYSIA

	KUMPULAN/SYARIKAT		
	31.12.2012 RM'000	31.12.2011 RM'000	1.1.2011 RM'000
Perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan	–	–	450,000
Perlu dibayar selepas tempoh 12 bulan	800,000	800,000	800,000
	800,000	800,000	1,250,000

Butiran-butiran baki pinjaman pada 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

- (i) RM300 juta bagi Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i (TPUB-i):

Dalam tahun 2009, Bank Negara Malaysia (BNM) bersetuju untuk menyumbangkan RM300 juta kepada tabung yang dikenali sebagai Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i (TPUB-i), yang ditadbir mengikut “Shariah principle of qard”. Pinjaman RM300 juta akan dibayar balik pada ulangtahun kelima tarikh pembayaran kecuali penangguhan untuk pembayaran diperolehi.

Pinjaman ini dikenakan caj perkhidmatan sebanyak RM3 juta setahun untuk caj pengurusan dan operasi ke atas jumlah pinjaman.

- (ii) RM500 juta untuk melanggan saham di dalam Danajamin Nasional Berhad:

Dalam tahun 2009, BNM memberi pinjaman RM500 juta kepada Syarikat untuk menubuhkan dan melanggan saham di dalam Danajamin Nasional Berhad yang mana ianya dimiliki bersama oleh kerajaan dan Syarikat untuk menjalankan perniagaan dalam penyediaan insuran jaminan kewangan.

Pinjaman RM500 juta ini perlu dibayar penuh dalam masa 14 hari sama ada selepas tamat tempoh pinjaman iaitu 30 tahun daripada 12 Mei 2009, atau tarikh di mana Syarikat melupuskan keseluruhan pegangan saham dalam Danajamin, seperti ditentukan oleh BNM, yang mana lebih awal.

25. SKIM KEMUDAHAN PERMODENAN DAN BANTUAN PKS

	KUMPULAN/SYARIKAT		
	31.12.2012 RM'000	31.12.2011 RM'000	1.1.2011 RM'000
Perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan	700,000	–	–
Perlu dibayar selepas tempoh 12 bulan	150,000	850,000	850,000
	850,000	850,000	850,000

Dalam tahun 2008, Syarikat telah menandatangani perjanjian dengan Bank Negara Malaysia (BNM) yang telah bersetuju untuk menyalurkan RM850 juta ke dalam satu dana yang dikenali sebagai Skim Kemudahan Permodenan dan Bantuan PKS.

25. SKIM KEMUDAHAN PERMODENAN DAN BANTUAN PKS (SAMBUNGAN)

- (a) Skim Kemudahan Permodenan PKS – RM350 juta
- (i) RM50 juta akan dilaburkan dalam akaun-akaun simpanan tetap dengan institusi-institusi kewangan di Malaysia dan semua pendapatan daripada pelaburan di dalam akaun simpanan tetap ini akan digunakan sebagai dana jaminan (Dana Jaminan) untuk melunaskan tuntutan ke atas jaminan yang dikeluarkan oleh Syarikat di bawah Skim Kemudahan Permodenan PKS; dan
 - (ii) RM300 juta akan dilaburkan dalam akaun-akaun simpanan tetap dengan institusi-institusi kewangan di Malaysia dan semua pendapatan daripada pelaburan di dalam akaun simpanan tetap ini akan digunakan sebagai dana pembayaran balik faedah yang bertujuan untuk pembayaran balik kadar faedah 2.5% setahun ke atas baki pinjaman di bawah Skim Kemudahan Permodenan PKS.
- (b) Skim Kemudahan Bantuan PKS – RM500 juta
- (i) RM100 juta akan dilaburkan dalam akaun-akaun simpanan tetap dengan institusi-institusi kewangan di Malaysia dan semua pendapatan yang diterima daripada pelaburan di dalam akaun simpanan tetap ini akan digunakan sebagai dana jaminan (Dana Jaminan) untuk melunaskan tuntutan ke atas jaminan yang dikeluarkan oleh Syarikat di bawah Skim Kemudahan Bantuan PKS; dan
 - (ii) RM400 juta akan dilaburkan dalam akaun-akaun simpanan tetap dengan institusi-institusi kewangan di Malaysia dan semua pendapatan daripada pelaburan di dalam akaun simpanan tetap ini akan digunakan sebagai dana pembayaran balik faedah yang bertujuan untuk pembayaran balik kadar faedah 2.5% setahun ke atas baki pinjaman di bawah Skim Kemudahan Bantuan PKS.

Di dalam situasi di mana dana di bawah kemudahan ini telah digunakan sepenuhnya, Syarikat boleh memohon untuk menambahkan dana dengan memindahkan jumlah yang ditentukan oleh BNM daripada kemudahan lain kepada kemudahan tersebut tertakluk kepada peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh BNM.

Dalam tahun 2012, Syarikat telah memohon satu pindahan berjumlah RM200 juta dari Kemudahan Permodenan PKS kepada Kemudahan Bantuan PKS kerana jumlah pendahuluan bagi Kemudahan Bantuan PKS telah digunakan sepenuhnya. Pindahan tersebut telah dipersetujui oleh BNM.

Syarikat akan membayar semula pendahuluan tanpa faedah ini kepada BNM seperti berikut:

- (i) Sejumlah RM350 juta untuk skim Kemudahan Permodenan PKS pada akhir tahun ke-8 dari tarikh pelaksanaan Perjanjian Pinjaman pada 18 November 2008; dan
- (ii) Sejumlah RM500 juta untuk skim Kemudahan Bantuan PKS pada akhir tahun ke-5 dari tarikh pelaksanaan Perjanjian Pinjaman pada 18 November 2008.

26. SKIM JAMINAN USAHAWAN KECIL (SJUK)

	KUMPULAN/SYARIKAT		
	31.12.2012	31.12.2011	1.1.2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan	4,000	4,000	–
Perlu dibayar selepas tempoh 12 bulan	67,000	71,000	79,000
	71,000	75,000	79,000

Pada 15 Mei 2002, Syarikat telah membuat perjanjian dengan Kementerian Kewangan (MOF) yang menyumbang sebanyak RM50 juta bagi menubuhkan tabung jaminan yang dinamakan Skim Jaminan Usahawan Kecil (SJUK), bagi menampung kerugian. Sumbangan ini perlu dibayar balik pada penghujung tahun yang keenam dari tarikh pengeluaran pada 14 November 2002 dan dikenakan faedah pada kadar 3% setahun. Walaubagaimanapun, pada 30 Ogos 2005, MOF telah bersetuju untuk tidak mengenakan sebarang faedah ke atas Syarikat. Dalam tahun 2009, Syarikat telah memohon penangguhan tempoh pembayaran balik daripada MOF, tetapi masih belum mendapat kelulusan.

Pada 30 Ogos 2005, Syarikat telah membuat perjanjian yang lain dengan MOF, untuk sumbangan tambahan berjumlah RM29 juta. Sumbangan ini perlu dibayar balik pada penghujung tahun ke-6 dan tidak dikenakan sebarang faedah.

Skim ini adalah bertujuan untuk membantu peniaga-peniaga kecil mendapat pinjaman dari RM10,000 hingga RM50,000 bagi modal pusingan dan/atau pembelian aset.

Dalam 2011, MOF bersetuju untuk menjadualkan semula pembayaran balik jumlah yang telah diterima sehingga 2025. Dana tersebut dibayar balik mengikut pencaturan bayaran balik dengan pemberi dana.

27. TABUNG USAHAWAN KECIL

	KUMPULAN/SYARIKAT		
	31.12.2012	31.12.2011	1.1.2011
	RM'000	RM'000	RM'000
Perlu dibayar selepas tempoh 12 bulan	50,000	50,000	200,000

Skim ini adalah untuk membantu usahawan-usahawan kecil mendapatkan pembiayaan di antara RM2,000 ke RM20,000 bagi tujuan modal pusingan dan/atau pembelian aset dengan pembiayaan bagi modal pusingan tidak melebihi RM10,000.

Pada 10 Disember 1998, Syarikat telah menandatangani perjanjian dengan kerajaan yang telah menyumbang sebanyak RM50 juta kepada tabung yang dikenali sebagai Tabung Usahawan Kecil (TUK). Pinjaman ini akan dibayar balik kesemuanya selepas 10 tahun atau apabila skim ini dimansuhkan, yang mana terdahulu. Dalam tahun 2008, Syarikat telah membuat permohonan kepada MOF bagi melanjutkan tarikh pembayaran balik tetapi kelulusan masih belum diterima lagi.

Peruntukan tambahan sebanyak RM40 juta yang sebelum ini disediakan untuk TPPP 1992 telah dipindahkan dari dana kerajaan untuk digunakan bagi TUK. Jumlah ini dikecualikan dari faedah dan dijamin oleh nota perjanjian dengan 10 tahun tarikh matang dari tarikh pengeluaran pada 18 Disember 1997. Dalam tahun 2007, Syarikat telah memohon kepada BNM untuk melanjutkan tempoh pembayaran balik tetapi kelulusan belum diterima lagi.

27. TABUNG USAHAWAN KECIL (SAMBUNGAN)

Dalam tahun 1999, BNM telah memperuntukkan RM400 juta untuk tabung ini di mana RM300 juta telah dijamin oleh nota perjanjian dengan tempoh matang 5 tahun dari tarikh ianya dikeluarkan iaitu pada 8 Julai 1999. RM100 juta dijamin oleh nota perjanjian dengan tempoh matang 5 tahun dari tarikh ianya dikeluarkan iaitu pada 3 September 1999. Kedua-dua jumlah ini dikenakan faedah pada kadar 1% setahun. Dalam tahun 2004, Syarikat telah memohon untuk melanjutkan tempoh pembayaran balik dari BNM. BNM bersetuju untuk melanjutkan tempoh pembayaran balik pinjaman pada suatu tarikh yang akan ditentukan kelak.

Syarikat telah menamatkan pengeluaran pinjaman di bawah TUK sebagaimana yang telah diputuskan oleh Menteri Pembangunan Usahawan berkuatkuasa pada 1 Januari, 2000. Walau bagaimanapun, Syarikat terus mengendalikan pinjaman-pinjaman yang telah dikeluarkan di bawah skim ini sebelum tarikh tersebut.

Hasil pelaburan baki tabung yang belum digunakan telah dipindahkan ke Rizab Program Khas dan akan digunakan untuk menyerap kerugian yang mungkin dialami oleh pinjaman yang diberikan di bawah skim ini.

Dalam 2011, MOF bersetuju menjadualkan semula pembayaran balik bagi jumlah yang telah diterima sehingga 2025.

28. LAIN-LAIN PEMIUTANG

	KUMPULAN			SYARIKAT		
	31.12.2012 RM'000	31.12.2011 RM'000	01.01.2011 RM'000	31.12.2012 RM'000	31.12.2011 RM'000	01.01.2011 RM'000
